

SULIT*

PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERI 940/1 STPM 2011 PERPERCUBAAN ST PEP. PERCUBAAN 011
PERI 940/1 STPM 2011 PERPERCUBAAN ST STPM 2011 011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN ST 011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 I SEJARAH 111 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 I KERTAS 1 111 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 I (3 jam) 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 I PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA STPM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TAHUN 2011



Arahan kepada calon:

Jawab empat soalan sahaja: Dua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak
© Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan 2011

Percubaan STPM 940/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan ini tamat

[Lihat sebelah

SULIT*

BAHAGIAN A

1. Bincangkan kepentingan Revolusi Pertanian pada Zaman Neolitik terhadap perkembangan tamadun awal dunia. (25 m)
2. Huraikan langkah-langkah yang diambil oleh Shih Huang Ti dalam mengukuhkan sistem pemerintahan beraja dalam tamadun China (25 m)
3. Terangkan ciri-ciri sistem pentadbiran di negara kota Athens dan Sparta dalam Tamadun Yunani. (25m)
4. Bincangkan perkembangan ekonomi di China sebelum abad ke-19. (25m)
5. Bincangkan tujuan dan sebab perkembangan pendidikan formal dalam tamadun awal (25m)
6. Huraikan sumbangan Christopher Columbus dan Vasco Da Gama dalam aktiviti penjelajahan dan penerokaan pada perkembangan politik dan ekonomi dunia (25m)
7. Bandingkan organisasi sosial antara Tamadun Mesir dan Tamadun China. (25 m)
8. Bandingkan pemikir ketenteraan antara Kautilya dalam tamadun India dengan Nabi Muhammad s.a.w dalam tamadun Islam. (25m)

BAHAGIAN B

9. Peristiwa Hijrah merupakan sejarah penting dalam perkembangan agama Islam. Jelaskan sebab dan kepentingan peristiwa tersebut. (25 m)
10. Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Huraikan isi kandungan utama yang terdapat dalam Piagam Madinah tersebut (25 m)
11. Huraikan sumbangan Khalifah Umar al-Khattab dalam mengukuhkan negara Islam Madinah. (25m)
12. Sejauhmanakah peranan kumpulan-kumpulan Arab Quraisy dan Yahudi di Madinah dalam mencetuskan Perang Al Ahzab pada tahun 5H. (25 m)
13. Bincangkan sejarah, fungsi dan pelaksanaan zakat pada zaman Rasulullah s.a.w sehingga zaman Bani Umayyah (25m)
14. Jelaskan jenis-jenis institusi pendidikan Islam yang terdapat di Alam Melayu (25m)
15. Bandingkan konsep manusia menurut pandangan Islam dengan pandangan Arab Jahiliah. (25 m)
16. Bandingkan tujuan penjelajahan dan penerokaan dalam Tamadun Islam dan Tamadun Barat. (25m)

SULIT*

PEPERIKSAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PEPERIKSAAN STPM 2011
R 940/2 STPM SEJARAH PEP. PERCUBAAN
PEPERIKSAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 STPM 2011
PEPERCUBAAN STPM 2011 KERTAS 2 PM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PEPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PEPERK (SEJARAH MALAYSIA, ASIA TENGGARA, STPM 2011
PEPERK ASIA SELATAN, DAN ASIA TIMUR, 1800-1963) STPM 2011
PEPERK STPM 2011
PEPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PEPERCUBAAN STPM 2011 (3 jam) STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PEPERCUBAAN STPM 2011 STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PEPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA STPM

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAHUN 2011



Arahan kepada calon:

Jawab empat soalan sahaja. dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurungan []

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak

© Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan 2011

Percubaan STPM 940/2

[Lihat sebelah

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan ini tamat

SULIT*

Bahagian A

Jawab dua soalan sahaja.

1. Terangkan struktur sosial masyarakat Melayu di Tanah Melayu sebelum campurtangan British pada tahun 1874. [25]
2. Bincangkan faktor-faktor perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu sehingga awal abad ke-20 [25]
3. Jelaskan sebab-sebab pembentukan Perjanjian Persekutuan 1896 serta kepentingannya dari segi ekonomi dan politik. [25]
4. Huraikan peranan golongan intelektual dalam gerakan kesedaran di Tanah Melayu sehingga Perang Dunia Kedua. [25]
5. Bincangkan reaksi masyarakat Sabah dan Sarawak terhadap cadangan penubuhan Gagasan Malaysia 1963. [25]
6. Bincangkan penglibatan Malaysia dalam Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel sejak tahun 1957. [25]

Bahagian B

Jawab dua soalan sahaja.

7. Bincangkan sistem adat yang menjadi amalan masyarakat di China dan India sebelum campurtangan Barat. [25]
8. Huraikan struktur masyarakat feudal yang terdapat di Negara Jepun dan Vietnam sebelum pembukaan kedua-dua negara kepada kuasa-kuasa asing. [25]
9. Perjanjian Nanking 1842 dan Perjanjian Bowring 1855 telah meninggalkan kesan politik, sosial dan ekonomi kepada Negara China dan Siam. Bincangkan. [25]
10. Jelaskan kesan kedatangan kuasa barat terhadap perubahan ekonomi di Indonesia dan Filipina. [25]
11. Bincangkan peranan Sarekat Islam dan golongan Pongyi dalam perkembangan gerakan nasionalisme di Indonesia dan Myanmar. [25]
12. Bincangkan pembangunan sosioekonomi Negara China dan Jepun selepas Perang Dunia Kedua sehingga 1963. [25]

SULIT*

PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011
PEP. 940/1 YTPM 2011 PEP.PERCUBAAN ST PEP. PERCUBAAN 011
PEP. 940/1 YTPM 2011 PEP.PERCUBAAN ST STPM 2011 011
PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN ST 011
PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011
PEP.PERCUBAAN ST SKEMA JAWAPAN IAN STPM 2011
PEP.PERCUBAAN ST IAN STPM 2011
PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011
PEP.PERCUBAAN STPM 2011 I KERTAS 1 11 PEP.PERCUBAAN STPM 2011
PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011
PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011
PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011 PEP.PERCUBAAN STPM 2011

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA STPM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TAHUN 2011



1. Bincangkan kepentingan Revolusi Pertanian dalam Zaman Neolitik terhadap perkembangan tamadun awal dunia. (25 markah)

A. Pendahuluan : 3 markah

1. Maksud zaman Neolitik dan Revolusi Pertanian
Keupayaan manusia mengawal bekalan makanan dan menawarkan secara berterusan. Penggunaan alat-alat yang khusus untuk pertanian yang lebih baik pemilihan jenis tanaman dan ternakan yang sesuai. Kelahiran Revolusi Pertanian telah member kesan yang besar kepada kehidupan manusia pada Zaman Neolitik dan membawa kepada perkembangan tamadun awal.
2. Maksud tamadun
3. Zaman Neolitik menjadi asas ketamadunan kerana manusia tidak bergantung sepenuhnya kepada persekitaran tetapi juga berjaya menguasai persekitaran fizikal untuk memenuhi keperluan ekonomi mereka. Revolusi Pertanian menjadikan kehidupan mereka lebih kompleks dan memberi asas yang kukuh kepada perkembangan tamadun awal manusia.

B. Isi-isi – Kepentingan Revolusi Pertanian : (7x3 = 21 markah)

1. Perkembangan Petempatan

Revolusi Pertanian telah menyebabkan manusia mula tinggal tetap di satu-satu kawasan. Mereka menjadikan kawasan rata dan subur di lembah-lembah yang kemudiannya akan menjadi petempatan kekal masyarakat dan mereka telah mula bercucuk tanam di kawasan tersebut. Akhirnya akan membawa kepada pembinaan perkampungan seperti di Catal Huyuk, Iraq lalu membentuk Tamadun Mesopotamia.

2. Penghasilan teknologi

Revolusi Pertanian telah membawa kepada penciptaan dan penggunaan peralatan dan teknologi pertanian yang lebih maju. Alat-alat yang dicipta untuk membantu manusia dalam kegiatan pertanian seperti penciptaan tenggala, roda untuk mengangkut hasil pertanian. Terusan dan tali air juga dalam mengairi kawasan pertanian.

3. Mewujudkan pengkhususan kerja

Pengkhususan kerja telah mula dibuat akibat pengeluaran pertanian bertambah. Bermula dengan golongan wanita akan bekerja dalam bidang pertanian dan lelaki terlibat dalam aktiviti perburuan. Golongan agama pula wujud apabila wujud kepercayaan bahawa hasil pertanian dan kebajikan masyarakat turut bergantung kepada kuasa semula jadi.

4. Pertambahan penduduk.

Revolusi Pertanian telah membawa kepada pertambahan penduduk. Taraf kesihatan yang baik, bekalan makanan yang mencukupi. Migrasi penduduk kerana banyak peluang pekerjaan di kawasan pertanian menyebabkan berlakunya pertambahan penduduk. Institusi perkahwinan monogamy dan poligami membawa kepada institusi kekeluargaan.

5. Perkembangan perdagangan

Revolusi Pertanian telah mengubah orientasi ekonomi daripada sara diri kepada komersial. Penggunaan teknologi dan penemuan kaedah penanaman telah menyebabkan hasil pertanian meningkat sehingga berlakunya lebih hasil. Lebih hasil itu akan diperdagangkan, selari dengan sistem mata wang dan perkembangan sistem pengangkutan.

6. Perkembangan kepercayaan dan keagamaan.

Revolusi Pertanian juga penting dalam menyumbang kepada perkembangan aspek kepercayaan dan keagamaan dalam tamadun awal manusia. Ketentuan hasil pertanian adalah dikaitkan dengan agama dan kepercayaan. Kejadian banjir, kemarau yang memusnahkan pertanian melahirkan upacara-upacara ritual yang melibatkan pemujaan dan pengorbanan.

7. Kewujudan Organisasi sosial.

Revolusi Pertanian membawa kepada kewujudan organisasi sosial dalam sesebuah masyarakat. Pertambahan penduduk di satu-satu kawasan memerlukan ketua untuk memimpin mereka, perlukan pahlawan-pahlawan untuk menjaga keselamatan mereka, golongan agama yang menghubungkan mereka dengan tuhan-tuhan mereka dan golongan petani yang membekalkan makanan dan sebagainya.

8. Sistem Tulisan

Revolusi Pertanian membawa kepada penciptaan system tulisan heroglifik, cuneiform. Ideograf yang pada awalnya digunakan untuk golongan paderi untuk urusan keagamaan, juga digunakan untuk mencatat hasil pertanian dan kegiatan perdagangan.

C. Penutup (1 markah)

Sesungguhnya, sangat jelas bahawa Revolusi Pertanian telah berlaku pada Zaman Neolitik telah membawa kepada perkembangan tamadun-tamadun awal manusia di Sumeria, Mesir, China dan Indus.

Jawapan yang baik ialah , apabila calon dapat mengaitkan kepentingan Rev. Pertanian dengan pembentukan tamadun awal manusia.

Soalan 2

Huraikan langkah-langkah yang diambil oleh Shih Huang Ti untuk mengukuhkan sistem pemerintahan beraja dalam tamadun China.

Pengenalan: [3 markah]

1. **Latar belakang Shih Huang Ti**
 - Maharaja Shih Huang Ti adalah pengasas Dinasti Chin pada tahun 221 S.M .
 - Beliau telah mengasaskan empayar yang luas sehingga Sungai Merah di Vietnam.
 - Berjaya menyatukan seluruh empayar China ke bawah satu pemerintahan pusat.
2. **Sistem pemerintahan beraja China**
 - Ketua kerajaan pusat ialah maharaja atau Huang Ti.
 - Gelaran Huang Ti digunakan oleh maharaja pertama Dinasti Chin.
 - Gelaran ini menunjukkan kuasa dan karisma seseorang raja yang dianggap sebagai *The Great King* dan *The King of Kings*.
 - Maharaja mempunyai kuasa tertinggi, sumber undang-undang, ketua kerajaan, ketua hakim, dan ketua agama.

Isi : [7 isi X 3 markah = 21 markah]

Langkah-langkah pengukuhan sistem pemerintahan beraja:

1. **Sistem pemerintahan berpusat**
 - Menubuhkan ibu kota di Hsein Yang.
 - Semua kuasa kerajaan adalah di bawah kuasa maharaja yang memerintah terus dari ibu kota.
 - Menjalankan pemerintahan bersifat autokratik
2. **Menghapuskan sistem feodal**
 - Menghapuskan sistem feodal dengan menghapuskan kuasa dan pengaruh golongan aristokrat/bangsawan serta pegawai-pegawai feodal di peringkat wilayah dan daerah.
 - Merampas tanah golongan aristokrat/bangsawan dan mengarahkan mereka tinggal di sekitar kawasan istananya.
 - Lebih 120 000 orang aristokrat telah diarahkan ke ibu negeri iaitu Hsien Yang, pusat kerajaan Dinasti Chin.
3. **Memperkenalkan 'scholar system'**
 - Melatih sekumpulan kakitangan awam untuk menjadi gabenor dan pegawai-pegawai yang berkhidmat dengannya.

- Dilatih selama 15 tahun untuk menjadi kakitangan awam.
- Melalui sistem ini tiada lagi golongan bangsawan dilantik secara warisan melalui sistem feodal tetapi mesti berdasarkan kelulusan dalam peperiksaan awam yang dijalankan dengan ketat.

4. Mewujudkan tiga pentadbiran utama

- Maharaja bertanggungjawab kepada tiga pentadbiran utama iaitu Canselor, Setiausaha Imperial dan Grand Commandant.
- Bertanggungjawab menasihati raja dan menguruskan istana.
- Masing-masing mempunyai tugas khas. Contoh : Canselor mengawal keputusan dasar-dasar kerajaan dan lebih tinggi daripada jawatan lain. Setiausaha Imperial bertanggungjawab dalam membuat arahan, merekrut, dan menyelia ahli-ahli perkhidmatan raja. Grand Commandant mengawal tentera-tentera raja.
- Tanggungjawab ketiga-tiga jawatan tersebut diagihkan sesama mereka hinggan tiada seorang pun berada dalam kedudukan yang mampu menggulingkan kuasa maharaja.

5. Membuat perubahan dalam pentadbiran wilayah/provinsi

- Membahagikan empayar kepada 36 wilayah (kemudiannya 42 wilayah)
- Menghapuskan kuasa golongan bangsawan memerintah wilayah.
- Shih Huang Ti melantik gabenor dan panglima tentera untuk mentadbir wilayah yang terdiri daripada ahli keluarganya atau pegawai tentera yang banyak berjasa kepadanya.
- Pemerintahan wilayah dikawal oleh pusat pemerintahan maharaja.
- Ia bertujuan untuk mengelakkan wilayah membentuk kerajaan dan mencabar kerajaan pusat sebagaimana dalam sistem feodal.

6. Melantik pemerhati/perisik wilayah

- Untuk mengawal pentadbiran wilayah, seorang pemerhati dilantik bagi mengawasi tindak-tanduk gabenor-gabenor di wilayah.
- Pegawai-pegawai pemerhati ini akan melaporkan kepada maharaja di kerajaan pusat dan dengan cara ini maharaja boleh mengawal semua wilayah dalam empayarnya.

7. Penguatkuasaan undang-undang

- Penduduk di China diatur dalam kumpulan-kumpulan keluarga yang mempunyai tanggungjawab bersama untuk menyediakan guna tenaga dalam kerja-kerja pembinaan dan ketenteraan.
- Sistem ini dikuatkuasakan melalui kanun keseksaan yang kejam.
- Kaedah pemerintahan seperti ini dikuatkuasakan oleh Shih Huang Ti di seluruh negara China untuk menyatukan Negara China dan mengukuhkan pemerintahannya.

8. Dasar pengawalan ke atas rakyat

- Mengamalkan sistem undang-undang yang ketat berasaskan fahaman legalisme yang bertujuan mengawal tingkah laku rakyat melalui undang-undang dan tindakan yang keras. Oleh itu, buku-buku ajaran Confucius telah dibakar kerana bertentangan dengan dasar yang diamalkannya.
- Sarjana-sarjana yang ingkar dihukum bunuh.
- Untuk mengelakkan pemberontakan, rakyat yang memiliki lembing, tombak, anak panah, dan kereta kuda dipaksa menyerahkan senjata-senjata tersebut kepada kerajaan.

8. Memperkukuh sistem pertahanan daripada serangan luar

- Mempertahan daripada serangan orang gasar khususnya orang Hsiung Nu dengan membina Tembok Besar Negeri China.
- Menyambung pembinaan Tembok Besar Negeri China yang dilengkapi dengan menara kawalan untuk memerhati gerakan musuh.
- Memperbesar dan memperkuat pasukan tentera.

Kesimpulan:[1 markah]

1. Shih Huang Ti berjaya mengukuhkan pemerintahannya.
2. Sikap beliau yang autokratik dan zalim menyebabkan rakyat cuba memberontak tetapi gagal.
3. Sistem beraja Dinasti Chin mengalami keruntuhan selepas kematian Shih Huang Ti pada tahun 210 S.M kerana penggantinya lemah dan tidak dapat mengawal seluruh empayar yang luas.

3. Terangkan ciri-ciri sistem pentadbiran di negara kota Athens dan Sparta dalam Tamadun Yunani. . (25 markah)

A. PENDAHULUAN (3 markah)

1. Athens diasaskan kira-kira 800-500SM. Terletak di Bukit Athena, Grece. merupakan negara terpenting dalam perkembangan tamadun Yunani. Sistem ini diperkenalkan oleh golongan bangsawan yang menguasai politik Athens. Sistem ini adalah menggantikan sistem pemerintahan monarki yang kejam, ganas dan zalim. Sistem demokrasi Athens mencapai kecemerlangan pada zaman Pericles.

2. Sparta muncul kira-kira 800-500 SM. Merupakan negara kota yang terbesar di Yunani. Mengamalkan dasar penaklukan dan perluasan kuasa ke atas Negara kota yang lain. Dianggap sebagai pesaing utama kepada pembentukan negara kota Athens.

B. PEMERINTAHAN NEGARA KOTA ATHENS (5X2=10M)

1. Badan Pemerintah

Kerajaan berdasarkan institusi –institusi demokrasi seperti Endesia (Majlis Eksekutif), Majlis Lima Ratus(Bouleo) dan Helinea (Majlis)

2. Pemerintah

Athens mempunyai seorang pemerintah yang dilantik dalam kalangan ahli majlis Eksekutif yang terdiri daripada golongan bangsawan . Pemerintah dinilai oleh rakyat lima tahun sekali.

3. Dasar terhadap rakyat

Athens mengamalkan dasar liberal iaitu member hak yang sama kepada rakyat dalam semua aspek. Demokrasi di Athens bersifat satu system kerajaan yang cita-cita warganegara dan aspirasi individu terjamin oleh cara pemilihan melalui cabutan (selection by lot) jangka masa jawatan yang pendek dan system pembayaran untuk perkhidmatan awam yang diperkenalkan oleh Perides.

4. Pungutan suara

Mengamalkan system pungutan suara yang diadakan 5 tahun sekali. Tujuan utama pilih wakil di Dewan Perhimpunan. Hak penyertaan politik diberikan kepada warganegara dan didasarkan kepada prinsip kediaman di sesuatu demes tertentu.

5. Perundangan

Athens mengamalkan dasar perundangan yang sistematik. Melalui pelaksanaan Undang-undang Mahkamah Berjuri, Hakim terdiri daripada penjawat awam manakala juri adalah semua warga Athens iaitu ahli Dewan Perhimpunan dan Majlis Eksekutif. Juri adalah antara 101 hingga 1001 bergantung kepada kesalah.

C. PEMERINTAHAN SPARTA (5X2=10M)

1. Badan Pemerintah

Mempunyai dua badan pemerintah iaitu Dewan Perhimpunan (Appela) dan Majlis Orang Tua (Erousia). Ahli Dewan Perhimpunan ialah semua warganegara lelaki yang berumur 30 tahun ke atas. Ahli antara 10,000 hingga 40,000 orang. Peranan membahas dan meluluskan undang-undang Sparta. Manakala Majlis Orang Tua terdiri daripada 30 orang lelaki yang berusia 30 tahun ke atas dan merupakan badan pemerintah yang utama. Diperintah oleh dua orang Raja yang dilantik seumur hidup. Kedua-dua raja adalah daripada keluarga yang bersaing. Tujuan utama ialah menyemak antara satu dengan yang lain. Walau bagaimanapun, kuasa mereka adalah terhad dan dikawal oleh Majlis Orang Tua dan Ephors.

2. Pemerintah

Diperintah oleh dua orang Raja yang dilantik seumur hidup. Kedua-dua raja adalah daripada keluarga yang bersaing. Tujuan utama ialah menyemak antara satu dengan yang lain. Walau bagaimanapun, kuasa mereka adalah terhad dan dikawal oleh Majlis Orang Tua dan Ephors

3. Dasar terhadap rakyat

Merupakan sebuah autokrasi tentera, disiplin sosial yang ketat, perlindungan polisnya (negara kota), menjalankan penaklukan dan penindasan terhadap penduduk yang bukan warganegara Sparta iaitu Helots

4. Organisasi politik aristokrasi

Institusi di mana kerajaan dikuasai oleh Ephors iaitu lima Jeneral yang berkuasa dan majlis yang terdiri daripada sekumpulan orang tua. Tidak wujud system pngutan suara yang memilih pemerintah.

5. Perundangan

Sparta mengamalkan undang-undang yang sangat ketat. Tujuan untuk menjamin Negara kota Sparta dari ancaman Helots. Undang-undang dikawal oleh golongan Ephors yang mempunyai kuasa veto untuk membatalkan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah.

D Kesimpulan (2m)

Athens ialah pengasas kepada sistem demokrasi yang wujud pada hari ini manakala Sparta pula adalah lambang kemunculan sebuah negara autokratik dan regim ketenteraan dalam sejarah dunia. Kedua-duanya mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam sejarah tamadun Yunani.

4. Bincangkan perkembangan ekonomi di China sebelum abad ke-19.

Pendahuluan. (3 M)

1. Lembah Sungai Hwang –Ho kaya dengan tanah loes yang subur sesuai untuk pertanian. Tanaman utama ialah gandum, sekoi, barli dan lain-lain.
2. Pertanian merupakan pekerjaan utama penduduk China dan diberi status sosial yang tinggi oleh masyarakat.
3. Emperor Shen Nung (1,750s.m) telah memperkenalkan pertanian di China. Peralatan yang digunakan seperti bajak dan cangkul.
4. Ekonomi bebas dijalankan tetapi ada campurtangan kerajaan.

Pembangunan Ekonomi China.

Markah 5 isi x 4 M = 20 M

1. Pertanian dipandang mulia.

Pertanian merupakan pekerjaan utama penduduk negeri China .Petani diberi status sosial yang tinggi oleh masyarakat. Tanaman yang diusahakan ialah barli, sekoi, gandum padi. Lembah sungai Hwang Ho kaya dengan tanah loess yang subur sesuai untuk aktiviti pertanian. Semasa pemerintahan Dinasti Song berlaku pembukaan tanah dan kawasan bukit diteres untuk pertanian. Revolusi pertanian pada zaman Dinasti Tang telah meningkatkan hasil pertanian. Ia disebabkan oleh kaedah pertanian yang lebih baik, pembukaan tanah-tanah baru, tanaman dua pusingan, pengkhususan dalam jenis pertanian, penggunaan kaedah pertanian baru, kemajuan pengangkutan, kewujudan pasaran dan pembinaan terusan.

2. Pengenalan teknik dan peralatan baru dalam pertanian.

Sejak zaman Dinasti Han (207 SM – 221 M) tenggala menabur benih telah digunakan untuk membuat alur, parit atau lekuk dalam satu masa. Di China Selatan telah diperkenalkan kaedah menabur benih padi di tapak semaian dan kemudiannya dipindahkan ke sawah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran padi. Kolar kuda telah dicipta bagi membolehkan kuda menarik tenggala kayu untuk membajak tanah, kereta kuda dan kereta sorong beroda telah digunakan. Sistem tanaman bergilir yang dilaksanakan telah dapat menjaga kesuburan tanah.

3. Kemajuan sistem pengairan.

Terusan telah dibina bagi memperoleh sumber air yang terkawal seperti Empangan dan terusan pertama dibina iaitu Peony Dam dibina di Shouxin dibina pada abad ke-6 masihi. Kawalan terhadap banjir pula membolehkan hasil pertanian dioptimumkan. Kejuruteraan hidrolik membantu pengairan, kawalan banjir dan pengangkutan.

4. Kemajuan sistem pengangkutan.

Pada zaman Dinasti Han wujud jalan raya sepanjang 40 000 km yang meliputi sebahagian besar negara. Suspension bridges digunakan sejak abad ke-3 M dan abad ke-6 rantai besi telah digunakan dalam pembinaan jambatan. Hasil-hasil perdagangan dan perusahaan lain didagangkan ke kawasan di luar seperti Alam Melayu, India, Timur Tengah dan Eropah melalui Jalan Sutera Darat dan Jalan Sutera Laut. Selain itu perkembangan ekonomi yang pesat turut dicetuskan oleh perkembangan dalam sistem perhubungan seperti jambatan dan alat pengangkutan seperti kereta kuda dan kereta lembu. Pembinaan jambatan arched bridges telah dijalankan seperti Wannianqiao di Nanchang Jiangxi pada tahun 1647 M. Tahun 1300 M (Dinasti Yuan) terusan digunakan untuk mengangkut gandum dari Lembah Sungai Yangtze ke ibukota Chang'an dan Beijing.

5. Kemunculan persatuan pedagang.

Kewujudan golongan pedagang membawa kelahiran golongan kelas pertengahan yang besar. Pada zaman Dinasti Sung wujud kesatuan tukang manakala pada zaman dinasti Ming pula wujud kesatuan dagang yang berperanan dalam pengawalan kedai emas, bank dan kertas kredit. Terdapat bandar yang mempunyai penduduk hingga sejuta orang seperti Kaifeng dan Hangzhou yang turut menjadi pusat penggunaan dan pelaburan. Ini telah menyebabkan perkembangan industri perhidmatan seperti kraftangan bagi memenuhi kehendak golongan bangsawan dan rakyat biasa. Keadaan ini telah melahirkan golongan kelas pertengahan bandar seperti pekedai, tukang, jurutulis dan lain-lain. Golongan paling ramai ialah buruh atau pekerja biasa. Keadaan ini telah membawa kepada munculnya kesatuan seperti Kesatuan Tukang dan Dagang pada zaman Dinasti Song.

6. Sistem pengurusan ekonomi

Bil pertukaran dan surat perjanjian hutang digunakan ketika zaman Dinasti Tang. Cukai tanah (liangshuifa) telah diperkenalkan. Sutera China telah dieksport hingga ke Eropah. Cukai ke atas hasil jualan menjadi sumber pendapatan utama kerajaan pada zaman tersebut. Barangan mewah, ubat-ubatan, candu, minyak wangi dan hamba telah diimport. Petani membayar cukai dalam bentuk garam, tekstil dan wang semasa pemerintahan Dinasti Yuan. Wang kertas dijadikan sebagai wang sah nilai dan wang siling sebagai subsidiari. Koloni perdagangan (Shangtun) iaitu koloni pertanian yang dimajukan untuk menyediakan makanan kepada tentera di perbatasan telah dilaksanakan pada zaman pemerintahan Dinasti Ming.

Kesimpulan (2 M)

Tanah loess yang subur yang terdapat di lembah Hwang Ho telah menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi berasaskan pertanian dalam tamadun China. Peranan pemerintah dalam zaman tertentu turut membantu perkembangan ekonomi sehingga abad ke 19 Masehi.

5. Bincangkan tujuan dan sebab perkembangan institusi pendidikan formal dalam Tamadun awal.

A. PENGENALAN.

Pendidikan yang berbentuk formal adalah berkait rapat dengan munculnya masyarakat manusia bertamadun. Berbagai Institusi telah diwujudkan untuk pengajaran dan pembelajaran seperti tempat ibadat, istana rumah, rumah guru, sekolah dan kolej. Walaupun terdapat banyak perbezaan dari segi objektif, organisasi dan pelaksanaannya tetapi dapatlah dikenal pasti beberapa objektif yang menjadi punca dorongan penubuhannya. Antara objektif yang biasa didapati ialah motivasi agama untuk kepentingan individu dan negara, keperluan kerajaan dan kewarganegaraan.

B. OBJEKTIF AGAMA.

1. Sejak permulaan masyarakat bertamadun agama adalah suatu kuasa yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan manusia. Pengendalian ekonomi pertanian dan sistem pemerintahan memang berdasarkan peraturan – peraturan dan upacara – upacara yang berpunca daripada kepercayaan manusia dan agama. Fenomena ini terbukti dengan munculnya segolongan paderi yang berfungsi khusus dengan hal kepentingan agama. Golongan paderi terlibat rapat dengan politik, ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Maka pendidikan formal merupakan suatu alat yang membolehkan golongan paderi memenuhi aspirasi mereka dalam hal pengurusan politik dan ekonomi. Di Mesir para pelajar dididik untuk kerja pengkeranian dan perkhidmatan di rumah berhala dan juga untuk memperkukuhkan kedudukan kaum paderi dalam lingkungan politik. Objektif itu terdapat di Mesopotamia di mana kegiatan intelektual dan pendidikan berpusat di perpustakaan yang biasanya terdapat di kuil besar. Di tamadun India, pemikiran falsafah, perundangan, kerajaan dan pendidikan berkisarkan kepada agama. Pendidikan formal untuk golongan yang berkasta tinggi seperti Brahmin berasaskan pengajian kesusasteraan Veda, Rig – Veda, misalnya adalah berkenaan dengan upacara agama dan amalan pengorbanan (sacrifice). Ia mencerminkan keperluan dan pengajaran golongan paderi semasa serangan orang Arya. Pada zaman Gupta terdapat juga pusat pengajian agama Budha seperti di Vikramasila dan Jagaddala. Ajaran Hindu diajar di tempat kediaman guru yang dikenali sebagai 'Pathasala' di India Barat dan tols di wilayah Bengal. Diperingkat kampung terdaapt Agrahara di mana kaum Paderi Brahmin mengajar kitab suci Hindu.

C. KEPERLUAN KERAJAAN DAN KEWARGANEGARAAN.

1. Pendidikan kerap kali dikaitkan dengan sistem politik dan kerajaan demi kepentingan pentadbiran dan birokrasi, penyertaan rakyat dalam proses kerajaan, hal ketaatsetiaan rakyat terhadap raja dan negara. Objektif pendidikan untuk keperluan pentadbiran birokrasi berkait rapat dengan memberikan suatu asas untuk kedudukan kerajaannya serta mengekalkan keharmonian masyarakat dan ketaatsetiaan kepada raja dan negara. Manifestasi ini adalah jelas dalam tamadun China awal terutamanya pada Dinasti Han dan Tang. Fahaman Confucius telah menjadi satu ideologi politik dan asas kurikulum pendidikan China untuk memupuk pertumbuhan segolongan elit (scholar – gentry) yang akan menyokong dan memperkuat kedudukan Maharaja China. Perlantikan pegawai – pegawai untuk perkhidmatan birokrasi adalah berasaskan suatu sistem peperiksaan yang berteraskan pendidikan Confucius. Disamping itu fahaman Confucius juga merapatkan kekeluargaan demi kepentingan keharmonian masyarakat China. Masyarakat China mengikut fahaman Confucius terdiri daripada dua kategori besar iaitu golongan elit yang berpendidikan (yang memerintah) dan golongan bawahan (yang diperintah). Jadi pendidikan dianggap sebagai kayu ukur hierarki masyarakat China.

2. Pendidikan untuk kewarganegaraan adalah jelas di negara kota Yunani. Dengan perkembangan demokrasi yang memuncak semasa pemerintahan Pericles, sistem pendidikan di negara kota Athens adalah bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat antara rakyat negara Athens dengan institusi – institusi kerajaan di Acropolis Athens supaya rakyat dapat menyertai secara penuh dalam jentera kerajaan yang berasaskan ideologi demokrasi. Objektif pendidikan juga termasuk melengkapi seseorang individu dengan sifat – sifat membolehkannya memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada politik negara kota Athens. Kesannya muncul segolongan pendidik profesional yang dikenali Sophists yang dapat memenuhi aspirasi – aspirasi warganegara Athens untuk menjadi negarawan – negarawan yang cekap. Jadi dua disiplin diberatkan dialiectic dan rhetoric yang akan menjadikan seorang individu lebih lancar dan bijak. Ahli falsafah Plato juga menubuhkan sebuah akademik untuk memupuk segolongan minoriti yang benar – benar berkemampuan mengendalikan hal – hal politik iaitu konsep philosopher - kings

D. PENDIDIKAN DAN PERTAHANAN.

1. Satu contoh yang jelas sekali ialah sistem pendidikan di negara kota Sparta. Di Sparta sistem pemerintah adalah untuk menguatkan kerajaan orang – orang Sparta tulen untuk mengawal rapat orang tawanan (Helots) yang dijadikan hamba kepada orang Sparta. Golongan

hamba ini amat besar jumlahnya jika dibandingkan dengan penduduk Sparta.

2. Orang Sparta berasa kkuatir bahawa Helots mengancam mereka dan melakukan pemberontakan. Jadi pendidikan formal adalah bercorak ketenteraan di mana setiap kanak – kanak Sparta dikenakan latihan tentera serta dikenakan disiplin yang ketat dan hidup di barek tentera terpisah daripada ibu bapa mereka. Latihan tentera merupakan kurikulum utama sistem pendidikan Sparta untuk tujuan melahirkan semangat ketenteraan dan disiplin untuk pertahankan negara kota Sparta daripada ancaman Helots.

E. PENDIDIKAN UNTUK MANUSIA DAN MASYARAKAT (HUMANISME).

1. Pada akhir zaman pertengahan di Eropah Barat, fokus baru tertumpu pada manusia, fakulti – fakultinya, hal ehwal manusia, aspirasi – aspirasi sedunia manusia dan hal kebajikannya. Pendidikan teologi dan keagamaan tidak diterima lagi oleh kerana tidak membayangkan realitu keadaan baru yang berkembang di Eropah khususnya di Itali.

2. Pada masa itu masyarakat Eropah telah berubah, perdagangan diperluaskan dan kehidupan dibandaraya menjadi lebih signifikan. Kuasa ekonomi dan politik tidak lagi terletak di tangan tuan – tuan tanah feodal dan gereja tetapi diambil alih oleh golongan borjuis yang hidup di pusat bandar. Bahasa tempatan telah menggantikan Latin dan suatu sistem pendidikan baru dirasai perlu untuk pengajian kepentingan individu, manusia dan masyarakat.

3. Pendidikan di Athens merangkumi falsafah, muzik dan sukan untuk keharmonian sejagat. Perubahan Socrates dan Plato telah memberikan idea dan pendapat tentang pendidikan di Athens.

F. KESIMPULAN.

Objektif – objektif yang menentukan institusi – institusi pendidikan formal merangkumi agama, kerajaan dan pentadbiran dan ketenteraan dan humanisme. Objektif – objektif itu boleh dianggap sebagai prinsip – prinsip yang dapat mempengaruhi kebangkitan dan organisasi pendidikan formal di dalam sesuatu masyarakat.

6. Bandingkan organisasi sosial antara Tamadun Mesir dan Tamadun China. (25 Markah)

A.Pendahuluan (3 markah)

1. Definisi Tamadun-Barat dan Islam
2. Konsep Organisasi sosial
3. Latar belakang Tamadun Mesir dan tamadun China

B.Isi/Huraian/Contoh

Tamadun Mesir (5 x 2 =10 markah)

1. Raja dan Kerabat diRaja

- a. Raja mempunyai kedudukan tertinggi dan dianggap sebagai Tuhan yang melindungi rakyat
- b. Raja adalah sumber kekuatan dan berperanan sebagai ketua pendeta, ketua pentadbir dan ketua hakim Negara.
- c. Raja adalah lambang kebenaran dan keadilan (maat) yang memperkenalkan peraturan dan undang-undang untuk memelihara keamanan dalam Negara
- d. Putera-putera raja menerima pendidikan daripada guru yang dilantik untuk mengajar matematik, seni bina, astronomi, kesenian dan sains.
- e. Setelah dewasa, putera-putera raja akan menerima latihan ketenteraan dan mengambil bahagian dalam ekspidisi ketenteraan
- f. Putera raja akan berkahwin dengan adik kandung atau sepupunya sewaktu kanak-kanak untuk mengekalkan kesucian keturunan.

2. Golongan Bangsawan dan Paderi

- a. Pegawai Tinggi kerajaan dilantik dalam kalangan anggota keluarga diraja atau golongan bangsawan
- b. Jawatan penting diperingkat pusat termasuk pengurus, pegawai penguasa, pendeta dan pekerja.
- c. Raja dibantu oleh wazir untuk menjalankan pentadbiran diperingkat wilayah
- d. Golongan pendeta mempunyai hirarki sendiri dan mempunyai tugas dalam bidang keagamaan
- e. Pendeta juga mempunyai pengaruh dalam bidang khususnya dalam soal pelantikan raja.

3. Anggota tentera

- a. Semasa pemerintahan Dinasti Kelapan, sebuah angkatan tentera yang besar dan mempunyai struktur organisasi yang tersusun telah ditubuhkan.
- b. Pekebun-pekebun kecil, golongan artisan dan kumpulan professional sederhana menyertai angkatan tentera untuk meningkatkan status dan taraf hidup mereka.

- c. Anggota tentera yang berjaya dalam kempen peperangan dibenarkan memiliki pembantu rumah, diberikan harta rampasan perang, ganjaran, pangkat dan tanah estet diraja.

4. Buruh Raja

- a. Selain golongan serf yang bekerja dalam bidang pertanian, buruh raja terdiri daripada pekerja lombong emas, tembaga turquoise, pekerja kuari, pekerja binaan dan tukang membuat tembikar dan pengangkut air.
- b. Tugas utama golongan ini adalah untuk membina candi-candi diraja. Mereka bekerja hampir sepanjang tahun dan dibayar dalam bentuk gandum dan barli.
- c. Golongan ini mempunyai rumah berhala sendiri dan tribunal untuk menyelesaikan masalah.

5. Petani

- a. Pada zaman Kerajaan Lama, golongan petani ditindas oleh tuan tanah. Para petani terikat kepada tuan tanah dan apabila tanah dijual, mereka akan menjadi milik tuan tanah baru.
- b. Para petani yang berkhidmat atas tanah raja diberi sedikit kebebasan dan mereka dikehendaki bekerja sebagai buruh paksa dalam pembinaan candi.
- c. Pemberontakan yang berlaku pada Zaman Kerajaan Pertengahan menyebabkan pemerintah dinasti ke-11 dan ke-12 mengurniakan piagam yang liberal kepada estet-estet pertanian.
- d. Pada zaman Pemerintahan Kerajaan Baharu, petani diberi kebebasan dan tanah oleh raja. Tanah tersebut boleh diwarisi, tetapi tidak boleh dipindah milik.

6. Hamba

- a. Golongan hamba tidak mempunyai kebebasan dan terdiri daripada orang asing, khususnya tawanan perang.
- b. Pada Zaman Pemerintahan Kerajaan Baru, Hamba memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi dan sosial. Mereka bekerja sebagai buruh di lading yang dimiliki oleh kerajaan atau rumah berhala.
- c. Pada zaman pemerintahan Ramses III, golongan hamba terdiri daripada tawanan perang dari Syria yang dipaksa bekerja dalam sektor pembinaan.

Tamadun China (5 x 2=10 markah)

1. Raja

- a. Kedudukan tertinggi dalam pemerintahan China
- b. Berkuasa mutlak

- c. Mendapat mandat dari syurga untuk menjalankan pentadbiran
 - d. Ketua hakim dan undang-undang dalam menjatuhkan hukuman
 - e. Raja bertindak sebagai ketua agama, ketua angkatan perang.
2. **Bangsawan/Aristokrat**
 - a. Golongan paling berpengaruh / Pegawai kerajaan
 - b. Membina rumah berdekatan tempat ibadat
 - c. Rumah mereka dikelilingi tembok dan kubu
 - d. Mereka memonopoli penggunaan gangsa
 3. **Cerdik pandai**
 - a. Ahli falsafah yang sangat penting. Ct Fu tze, Lao Tze dan Mao Tze
 - b. Bertindak sebagai penasihat kerajaan dan dalam pentadbiran masyarakat
 - c. Ajaran/ falsafah erhubungkait dengan syurga, bumi, maharaja, ibu bapa dan guru.
 4. **Petani**
 - a. Sangat dihormati dan merupakan kelompok masyarakat di China yang paling penting kerana menjadi sumber membekalkan makanan.
 - b. Struktur masyarakat paling mulia
 - c. Namun taraf berada pada paras kemiskinan dan menjadi hamba berhutang.
 5. **Artisan**
 - a. Dalam bidang binaan/ tukang mahir /peniaga@pedagang
 - b. Namun golongan ini dianggap sebagai penipu dan menyusahkan rakyat kerana mengaut keuntungan daripada rakyat.
 - c. Askar-tugas mereka menjaga keselamatan negara/rakyat dan mereka berada di bawah perlindungan para bangsawan kerana tenaga mereka diperlukan oleh mereka untuk menjalankan pentadbiran terutama di daerah.
 6. **Hamba**
 - a. Merupakan kelompok masyarakat berkedudukan paling bawah
 - b. Golongan paling banyak ialah perempuan yang mana wanita dijual semenjak kecil untuk mendapatkan wang dan kesempitan hidup
 - c. Hamba perempuan dijadikan pembantu rumah, gundik, pelacur dan pelakon.

C. Kesimpulan (2 markah)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

Soalan ini perlu dibandingkan secara setara antara organisasi tamadun Mesir dengan China.- (Sebagai contoh rujuk soalan perbandingan No 15).

7. Huraikan sumbangan Christopher Columbus dan Vasco Da Gama dalam aktiviti penjelajahan dan penerokaan kepada perkembangan politik dan ekonomi dunia. (25 Markah)

A. Pendahuluan(2markah)

Pelayaran Christopher Columbus yg bermula pada tahun 1492 dan Vasco Da Gama pada 1498 amat penting pada perkembangan politik dan ekonomi dunia berbanding dengan penjelajahan yang dilakukan oleh orang-orang sebelumnya. Penemuan mereka mencetuskan impak yang besar dan mendadak dalam mengubah keadaan politik dan ekonomi dunia pada tahun-tahun berikutnya. Hasil penemuan mereka bukan sahaja telah membuka laluan baru perdagangan dunia, tetapi juga membuka jalan kepada terbinanya empayar-empayar perdagangan oleh Portugis dan Sepanyol

B. Isi/Huraian/Contoh (7x3=21markah)

Sumbangan Columbus dan Da Gama.

1. Penjelajahan yang dilakukan oleh Columbus dan Da Gama berbeza dengan penjelajahan Marco Polo, I Ching, Cheng Ho mahupun Ibnu Bathutah. Mereka berdua bukan melakukan penjelajahan sebagai saudagar persendirian. Mereka berdua menjelajah atas kelulusan rasmi dan sokongan padu raja Portugal dan Raja Sepanyol. Saudagar-saudagar dan para pedagang member bantuan kewangan dan sokongan moral. Mencari kekayaan dan meneroka tanah baru merupakan motif utama mereka untuk keluar menjelajah ke dunia lain.
2. Penemuan mereka memulakan pertapakan kepentingan ekonomi kuasa-kuasa Barat ke dunia lain. Penemuan ini menjadi titik permulaan proses pemindahan kekayaan dari Amerika dan Asia ke benua Eropah. Contohnya kepulangan Da Gama ke Portugal pd tahun 1498 membawa sebanyak satu kargo rempah yg telah dijual dgn mendapat keuntungan lebih 60 kali ganda dari kos penjelajahannya
3. Selepas tahun 1505, secara purata dua belas buah kapal setahun bertolak dari Lisbon ke Timurt Jauh. Portugis menjadi pengasas kpd kewujudan jaringan perdagangan Eropah.
4. Columbus menemui sebuah benua yg kaya dgn logam berharga. Selepas menjelajah kali kedua, emas dan perak mencurah masuk ke perbendaharaan Sepanyol dan ini menjadikan Sepanyol sebuah negara yg kaya.

5. Selain logam , beberapa jenis **tanaman** yg dijumpai contohnya **ubi kentang dan tomato** dan menjadi sumber makanan terpenting di Eropah yg dibawa dari Amerika. Impaknya **pertambahan penduduk** yg mendadak di Eropah.
6. Sepanyol muncul sbgai negara yg kaya di Eropah. **Emas** digunakan sebagai **alat pertukaran** untuk mendapatkan barangan luar. Melalui Sepanyol emas dan Perak dari Amerika tersebar luas penggunaannya di Eropah.
7. Ini menyebabkan pd abad ke -16, Eropah bukan sahaja mengalami revolusi perdagangan, tetapi dilanda **revolusi harga**. Penemuan **jalan baru ke Timur** dan kemasukan emas dan perak dari Amerika serta pembukaan koloni di sana mula mengubah kedudukan perdagangan di Eropah.
8. Pusat perdagangan berubah dari Mediteranean ke Lautan Atlantik. Pd abad ke-16 Portugal dan Sepanyol muncul sebagai kuasa perdagangan di Eropah kerana terdapat jaringan dan pusat kegiatan perniagaan dan perdagangan yg tumbuh pesat. Kaedah menjalankan perdagangan turut berubah dengan wujudnya **institusi kewangan seperti syarikat insurans dan bank serta matawang-aliran matawang emas dan perak mengalir dalam pasaran Eropah meningkat**.
9. Penemuan oleh Columbus dan da Gama jugalah menyebabkan **Revolusi Perniagaan dan Revolusi Harga menjadi perangsang kepada kemajuan perdagangan dan perindustrian** yg menyebabkan jg muncul **Revolusi Industri** di Eropah. Revolusi ini membawa keuntungan besar kepada saudagar/peniaga dan pengeluar.
10. Akibatnya lagi maka muncul **golongan pemodal** dan bertapaknya sistem ekonomi kapitalisme di Eropah. Raja-raja Eropah juga mendapat faedah. Dgn kerjasama saudagar, telah memberi kesan buruk akibat kenaikan harga dapat dikalahkan. Kekalahan mereka membolehkan raja-raja Eropah mengukuhkan lagi sisten Negara bangsa.
11. Banyak **kapal-kapal perdagangan** Eropah telah menjelajah Asia dan Afrika. Kapal-kapal membawa **hamba abdi Afrika** untuk bekerja di ladang-ladang pemodal Eropah di Amerika.
12. Eropah semakin kuat dgn perkembangan **teknologi persenjataan dan perkapalan**. Kejayaan meningkatkan teknologi Eropah memajukan **kapal perang** menyebabkan lautanHindi dan Lautan Atlantik dimonopoli kuasa Barat. Saudagar Islam menguasai

perdagangan lautan Hindi tersekat dan diambilalih oleh sudagar dari Portugal, Sepanyol, Inggeris dan Belanda.

13. Bermula abad ke-16 kuasa Barat mula mengatasi Asia dari segi kemajuan dan penguasaan kekayaan dunia. Kedaaan ini membuka laluan kpd kemunculan Barat/Eropah sebagai Negara kaya dan bermula kemunduran Asia, Afrika dan Latin Amerika.

C. Kesimpulan (2 markah)

Penjelajahan dan penemuan oleh Columbus dan Da Gama telah mencetuskan impak amat besar ke atas kehidupan manusia. Ia bukan sahaja telah Berjaya mentransformasikan ekonomi dan politik di Eropah, malahan seluruh dunia iaitu wujudnya jaringan dan politik anatar Eropah dan Benua Asia dan Amerika.

8. **Bandungkan pemikir ketenteraan di antara Kautilya dalam tamadun India dengan Nabi Muhammad S.A.W dalam tamadun Islam.**

A. Pendahuluan (3 Markah)

1. Pada zaman tamadun awal, kekuatan fizikal dan ketenteraan amat penting untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan Negara.
2. Kautilya merupakan pemikir ketenteraan India dan seorang negarawan serta ahli falsafah yang hidup pada abad ke-3 SM.
3. Nabi Muhammad s.a.w. telah dilahirkan pada 12 Rabiulawal tahun Gajah.

B. Isi-isi Penting (5 x 2 M = 10 M)

Sumbangan Kautilya.

1. Idea tentang hubungan dengan negara lain.

Buku Arthashastra menyarankan enam bentuk hubungan antara satu negara dengan negara lain. Hubungan pertama ialah mementingkan keamanan. Pada tahap ini aktiviti ketenteraan tidak dilakukan iaitu mementingkan keamanan, bersedia untuk berperang, Membiarkan musuh melancarkan serangan pertama, bersekutu dengan musuh dan mempraktikkan dasar duaan iaitu berbaik dengan satu musuh dan menyerang musuh lain.

2. Strategi memenangi peperangan.

Memujuk musuh dengan mengadakan perbincangan, memujuk musuh dengan memberi rasuah, menanam benih perpecahan atau rasuah dan melancarkan peperangan jika usaha tersebut menemui kegagalan.

3. Saranan kepada pemerintah.

Pemerintah harus memahami kekuatan sendiri dan kekuatan musuh. Kekuatan tentera tidak mencukupi untuk memastikan kemenangan. Kemampuan mengatur konspirasi lebih baik daripada kegagahan. Komplot atau konspirasi membantu memecahbelahkan musuh tanpa melibatkan diri dalam peperangan dan mengorbankan banyak nyawa.

4. Penggunaan kaedah subversif.

Pemerintah boleh menggunakan kaedah subversif seperti merasuah dan menghantar perisik bagi menjatuhkan pihak lawan. Jika peperangan tidak menunjukkan kemenangan dan memakan masa panjang maka pemerintah perlu menggunakan taktir tidak bermoral antaranya menggunakan pelacur untuk menggoda askar musuh, memberi rasuah kepada pegawai tentera, tukang masak dan sesiapa dalam istana.

5. Menyerang pada waktu sesuai.

Menyarankan agar serangan dilancarkan pada waktu yang sesuai kerana waktu yang dipilih untuk berperang menentukan kejayaan atau kegagalan dalam peperangan. Serangan harus dilakukan ketika musuh berada dalam keadaan leka, menghadapi kekurangan makanan dan berlaku perpecahan dalam kalangan musuh.

6. Dasar kekejaman dan bijak.

Bheda digunakan untuk melaga-lagakan musuh dengan menimbulkan isu-isu sensitif. Konsep Danda iaitu kayu atau besi yang kuat digunakan terhadap orang jahat dan musuh. Memperkenalkan teori mandala iaitu bijak mencari kawan dan berbaik dengan musuh negara yang akan diperangi.

7. Pengaruh Arthasastra terhadap spiritual dan keagamaan.

Banyak mempengaruhi pahlawan dan raja-raja Hindu seperti Rajput dan Marathas yang percaya bahawa mereka perlu berjuang sehingga mati dalam usaha untuk memenuhi matlamat spiritual. Kematian dalam peperangan bertujuan untuk membebaskan diri daripada rantai kelahiran semula dan mencapai Nirvana.

Sumbangan Nabi Muhammad s.a.w tentang etika perang Islam

Markah : 5 isi x 2 m = 10 M)

1. Mematuhi peraturan serta menuntut keredhaan-Nya.
2. Memberikan pilihan kepada musuh sebelum berperang. Antara pilihannya ialah masuk Islam, bayar jizyah ataupun memilih untuk berperang.
3. Tentera Islam dilarang bertindak kejam terhadap tawanan perang . Musuh yang telah mati juga tidak boleh disiksa atau dianiaya. Tentera Islam dilarang memerangi kanak-kanak, kaum wanita dan golongan orang kaya.
4. Pasukan tentera Islam juga dilarang untuk memerangi orang yang sedang beribadat.
5. Tentera juga dilarang mengejar musuh yang telah lari mereka mungkin menukar strategi yang boleh memerangkap tentera Islam.
6. Mereka dilarang melakukan kemusnahan ke atas harta benda musuh, tanaman dan binatang ternakan yang diusahakan.
7. Tentera Islam hendaklah berhenti berperang apabila pihak musuh meminta untuk berunding serta berdamai untuk menyelesaikan sesebuah perkara yang berbangkit.

8. Semua tentera Islam hendaklah patuh kepada arahan daripada seorang ketua sahaja supaya tidak berlaku kekecohan ketika berperang.
9. Tentera Islam tidak boleh lari meninggalkan medan perang.
10. Mereka dibolehkan melakukan tipu muslihat dalam peperangan supaya musuh lebih yakin tentang agama Islam yang mereka anuti.
11. Mereka hanya dibenarkan berperang melawan musuh apabila musuh datang menyerang Negara atau apabila berlaku serangan oleh pihak musuh.
12. Tentera Islam dilarang daripada memusnahkan rumat-rumat ibadat yang digunakan oleh pihak musuh.

C. Kesimpulan (1 M)

1. Idea Kautilya dalam Arthashastra banyak membantu pemerintah India dalam usaha mengukuhkan kuasa dan melahirkan kerajaan yang mantap.
2. Falsafah 'matlamat menghalalkan cara' yang dipelopori oleh Machiavelli menjadi ikutan ahli-ahli politik utama dunia.

9. Peristiwa Hijrah merupakan sejarah penting dalam perkembangan agama Islam. Jelaskan sebab dan kepentingan peristiwa tersebut. (25 markah)

A. PENDAHULUAN (3 markah)

- 1 Hijrah bermaksud keluar atau berpindah dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.
- 2 Menurut sejarah Islam, peristiwa yang dirujuk tentang peristiwa perpindahan Nabi Muhammad dan umat Islam dari Mekah ke Madinah bagi menyelamatkan agama Islam dari ancaman orang kafir Quraisy .
- 3 Peristiwa hijrah berlaku pada tahun ke-13 selepas kerasulan , bersamaan 12 September Tahun 622M.
- 4 Dianggap suatu pelarian oleh sejarawan barat, dan nyatakan bagaimana Membidas pandangan tersebut
- 5 Latar belakang masyarakat Madinah

B. Sebab-sebab Hijrah (4x2=8 markah)

1 Perjanjian Aqabah 1 .

Dalam Perjanjian Aqabah 1, Nabi Muhammad (SAW) telah mengikat perjanjian bersama dengan golongan Aus dan Khazraj seramai 12 orang . Mereka bersetuju untuk mempertahankan dan memperjuangkan Islam. Hal ini menjadi harapan baru kepada Nabi dalam usaha dakwah baginda. Malah pada masa itu Nabi Muhammad juga telah mengutuskan seorang pendakwah untuk mengikut ahli rombongan pulang ke Madinah.

2. Perjanjian Aqabah 2.

Dalam perjanjian ini, perjanjian pertama telah diperkukuhkan. Dalam perjanjian ini, golongan Aus dan Khazraj telah menjemput Nabi Muhammad dan umat Islam untuk berhijrah ke Madinah, memberi jaminan keselamatan dan tempat tinggal kepada Nabi Muhamad . Malah, Nabi juga akan dilantik sebagai ketua bagi masyarakat Madinah yang sering bertelegah. Perjanjian sebegini menjadi suatu tarikan kepada penghijrahan Nabi .

3. Kematian 2 penyokong penting baginda.

Tahun tersebut dikenali sebagai Tahun Kesedihan bagi baginda. Penyokong kuat baginda iaitu Siti Khadijah, isteri Nabi dan bapa saudaranya iaitu Abu Talib telah meninggal dunia. Peristiwa ini merupakan tamparan hebat kepada pejuangan Nabi kerana selama ini dua orang tokoh tersebut merupakan tulang belakang kepada perjuangan baginda.

4. Wahyu dari Allah

Perancangan berhijrah ini telah diteruskan apabila Allah menurunkan wahyu

dalam surah al-Anfal kerana terdapat pakatan untuk membunuh Rasulullah. Pada malam tersebut, Nabi telah pun berhijrah bersama-sama dengan Saidina Abu Bakar.

C. KEPENTINGAN HIJRAH (6x2 = 12 markah)

1. Permulaan Tahun Hijrah

Takwin Islam mula dikira dengan mengambil peristiwa paling penting dalam Islam yang menjadi titik tolak kepada masyarakat Islam. Pengiraan mula ditentukan oleh Khalifah Umar bin al-Khattab pada 17H bagi tujuan memperingati peristiwa hijrah yang penuh pengajaran dan hikmah. Tujuan seterusnya adalah untuk memudahkan urusan pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan, seperti jabatan cukai dan surat menyurat antara pegawai dengan khalifah.

2. Mempergiatkan usaha dakwah.

Menerusi hijrah, umat Islam dapat mengatur strategi baru untuk menyebarkan Islam ke pelosok dunia dengan lebih berkesan. Dakwah dapat dijalankan tanpa berlindung dan dijalankan secara aman. Islam turut disebarkan melalui hubungan diplomatik. Nabi pernah menghantar utusan agama ke Rom, Parsi, Habsyah dll.

3. Mendapatkan keredhaan Allah(SWT) .

Peristiwa Hijrah merupakan arahan Allah yang mempunyai unsur mukjizat yang berkaitan secara langsung dengan aspek keagamaan. Kejayaan hijrah dapat meningkatkan keimanan dan keyakinan orang ramai terhadap Islam. Madinah merupakan tempat yang sesuai untuk tujuan tersebut kerana orang Yahudi lebih faham tentang urusan keagamaan berbanding masyarakat Mekah yang menyembah berhala, yang tidak mementingkan soal syurga, neraka dll.

4. Pengislaman tokoh-tokoh penting.

Usaha ini juga berjaya membuka pintu hati musuh-musuh Islam yang terkenal seperti Khalid al-Walid, Andullah bin Salam dan sebagainya. Umat Islam telah bertambah apabila dilihat seramai 10.000 orang tentera telah mara ke Mekah ketika pembukaan kota Mekah.

5. Hubungan diplomatik.

Hubungan mula dijalin dengan Syria, Parsi, Rom, Bahrain, Habshah, Mesir dan sebagainya.

6. Terbentuknya negara Islam yang pertama dan diiktiraf.

7. Pembentukan Piagam Madinah sebagai perlembagaan bertulis pertama

8. Kegiatan politik dijalankan dengan bebas.

Menurut Islam, agama dan politik tidak ada pemisahan, begitu juga dengan

perkara- perkara lain. Orang Islam dapat berhimpun dan berbincang tentang politik dan pentadbiran.

9. Ketenteraan.

Peperangan mula dibenarkan untuk mempertahankan maruah agama dan negara. Perang Badar merupakan perang yang pertama dalam Islam telah dimenangi oleh pihak Islam. Kegiatan ketenteraan yang semakin berkembang dan kerajaan Islam berjaya menumpaskan dua empayar yang besar ketika itu iaitu Empayar Rom dan Parsi.

10. Pembinaan Masjid.

Nabi Muhammad telah membina Masjid Qubba dan Masjid al-Nabawi. Masjid dibina bukan sahaja untuk tempat beribadat tetapi juga dapat dijadikan tempat perbincangan tentang masalah umat Islam serta menjadi tempat mengurus niaga di kawasan pekarangannya.

11. Ekonomi semakin kukuh:

Dasar Ekonomi Islam yang dijalankan oleh Nabi Muhammad menggalakkan umat Islam berusaha gigih mencari rezeki halal. Penindasan, riba dan rasuah tidak dibenarkan. Penguasaan orang Yahudi tidak berlaku lagi kerana anggota masyarakat digalakkan terlibat dalam ekonomi. Kerjasama ekonomi telah berlaku, lebih-lebih lagi bagi golongan Muhajirin yang mendapat bantuan daripada golongan Ansar.

12 Masyarakat Ummah dibentuk

Perpaduan dapat diwujudkan. Masyarakat Madinah yang berbilang kaum Diikat dengan Piagam Madinah yang mana semua anggota masyarakat mempunyai tanggungjawab yang sama kepada Madinah. Tindakan Nabi Muhammad mempersaudarakan golongan Aus dan Khazraj dan mempersaudarakan gol Ansar dan Muhajirin memudahkan usaha membentuk ummah Madinah. Manakala masyarakat Yahudi pula diberi jaminan haknya seperti yang terkandung dalam Saifah Madinah.

13. Dapat menunjukkan kewibawaan Nabi sebagai Rasul mahupun pemerintah.

14. Nilai hidup masyarakat Jahiliah telah dihapuskan.

Kehidupan adalah berlandaskan aqidah dan akhlak. Semua mempunyai hak beragama dll.

D. Kesimpulan (2 markah)

Terbukti peristiwa Hijrah telah membawa perubahan dalam semua aspek kehidupan. Peristiwa Hijrah bukan sahaja berpindah semata-mata, malah peristiwa tersebut mampu mengukuhkan keazaman umat Islam untuk berubah kepada sesuatu yang baik dan lebih cemerlang

10. Piagam Madinah merupakan perkembangan pertama di dunia. Huraikan isi kandungan utama yang terdapat dalam piagam tersebut. (25M)

A. PENGENALAN.

- a. Hijrah Nabi Muhammad ke Madinah dan kesannya.
- b. Sebelum perlembagaan Madinah diperkenalkan Nabi Muhammad s.a.w telah mengambil beberapa langkah seperti mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar, membina masjid dan mengawal aktiviti penduduk bukan Islam di Madinah.
- c. Perlembagaan Madinah mempunyai 47 fasal.
- d. Komposisi penduduk Madinah.

B. ISI – ISI PENTING.

1. **Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin.** Dalam perkara pertama Piagam Madinah, semua rakyat Madinah hendaklah menerima kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. Penduduk Islam menerima Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin agama dan ketua negara. Nabi juga menjadi tempat rujukan sekiranya terdapat sebarang masalah.
2. **Konsep ummah.** Seluruh penduduk di Madinah sama ada Muslim atau non – muslim disatukan di bawah konsep ummah. Hal ini disebutkan dalam perkara kedua perlembagaan itu.
3. **Kebebasan beragama.** Sebagai sebuah negara yang bebas, rakyat juga diberikan kebebasan menganut agama masing – masing. Kebebasan ini telah dijamin oleh Al – Quraan yang bermaksud "Tiada paksaan dalam agama" Melalui ayat ini orang – orang Islam tidak boleh memaksa orang bukan Islam memeluk Islam.
4. **Kewajipan mempertahankan negara.** Semua penduduk Madinah hendaklah mempertahankan kota Madinah jika diserang oleh pihak musuh. Dengan kenyataan ini membuktikan bahawa orang bukan Islam hendaklah bersama dengan negara untuk mempertahankan keselamatan negara dari diceroboh oleh musuh Islam dan negara.
5. **Keselamatan penduduk Madinah dipelihara** selagi mereka taat kepada perundangan negara.
6. **Kerjasama dan sikap tolong menolong** sesama warga Madinah diwajibkan.
7. **Al – Quraan dan hadis** sebagai sumber perundangan dan rujukan utama.

C. KESIMPULAN.

Apa – apa sahaja yang berkaitan

11. Huraikan sunbangan Khalifah Umar al-Khattab dalam mengukuhkan negara Islam Madinah. (25 markah)

A. Pengenalan : (3 markah)

1. Khalifah Umar al-Khattab dilantik sebagai khalifah yang kedua selepas Abu Bakar as-Siddiq . Beliau memerintah kira-kira 10 tahun iaitu antara tahun 13-23 H. Beliau mewarisi tampuk pemerintahan yang aman dan stabil dan ini telah member ruang kepada Umar untuk membuat pembaharuan politik, ekonomi dan sosial.
2. Terkenal sebagai berani, warak dan mempunyai siasah politik yang baik. Dikenali sebagai al-Farouk/ Amir al –Mukminin. Merupakan sahabat Nabi Muhammad. Pelantikan sebagai khalifah telah dicalonkan oleh Abu Bakar dan dipersetujui oleh umat Islam. Meninggal dunia pada 23Hijrah.

B. Isi-isi (7x3 = 21 markah)

1. Pembaharuan Politik dan Pentadbiran.

- a. Khalifah Umar telah membahagikan wilayah Islam kepada beberapa bahagian seperti Kufah, Basrah, Syam, Jazirah, Mawsil, Yaman dan Bahrain. Untuk melicinkan pentadbiran Islam yang kian meluas dari sempadan China di Timur hingga ke Eropah di sebelah barat.
- b. Di setiap wilayah dilantik gabenor (wali) yang akan bertanggungjawab sebagai ketua pemerintahan di peringkat wilayah dan sebagai ketua panglima tentera di wilayah masing-masing. Sahib Bait al-Mal merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam perbendaharaan wilayah. Seorang setiausaha dan beberapa jabatan seperti Jabatan Setiausaha Tentera, Jabatan Percukaian, Pengawal Polis, Pegawai Perbendaharaan Negara dan seorang Kadi. Perlantikan dibuat agar melicinkan pentadbiran.
- c. Semua pegawai dilantik diberikan senarai tugas mereka. Surat perlantikan pegawai akan disertakan garis panduan dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi. Selain itu, pegawai juga perlu mengisytiharkan harta mereka untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa. Jika pegawai berhenti kerja, harta mereka akan diisytiharkan kembali. Jika didapati pegawai telah menyalahgunakan kuasa. Maka, harta mereka akan diambil dan diserahkan kepada perbendaharaan negara.
- d. Pada musim haji, setiap pegawai dikehendaki hadir ke kota Makkah untuk melaporkan hal di wilayah mereka. Rakyat diberikan pendedahan tentang bidang tugas masing-masing dan berhak membuat aduan. Sekiranya ada aduan terhadap pegawai, Umar akan menyiasat dan mengambil tindakan. Khalifah berhak untuk melantik dan memecat pegawai yang tidak amanah atau tidak cekap dalam melaksanakan tugas masing-masing.

e. **Struktur pentadbiran ketenteraan .**

Pengambilan tentera tetap dan tentera secara sukarela. Tentera dibayar gaji yang tetap. Mereka tidak dibenarkan terlibat dalam kegiatan sampingan seperti betani bagi mengelakkan gangguan tumpuan terhadap tugas. Tentera akan diberi latihan intensif. Sebagai contoh, berjalan tanpa pengalas kaki, menunggang kuda dan memanah. Setiap tentera direkodkan nama dan nombor pendaftaran. Pengambilan tentera diubah. Semakin ramai tentera. Mengambil bekas murtad sebagai askar untuk memperkukuhkan ketenteraan dan menyatupadukan umat Islam tanpa mengira asal usul dan latar belakang mereka.

Pakaian tentera dikhususkan untuk membezakan dengan orang awam. Jabatan Perisik diwujudkan untuk mengawal tindak tanduk tentera daripada melakukan jenayah dan penyelewengan. Umar juga mewujudkan bandar-bandar tentera seperti Basrah, Kufah, Damsyik dan Fustat. Bandar ini dijadikan Bandar tentera dan didirikan khemah tentera. Ini dapat mengawal sempadan wilayah Islam,

f. **Sistem Syura.**

Khalifah Umar mewujudkan Sistem Syura. Dianggotai oleh 6 orang iaitu Uthman bin Affan bin Ubaidullah dan Zubair al-Awwam dll. Majlis Syura sebagai tempat perbincangan masalah yang berhubung dengan politik, ekonomi, social dan kebajikan serta masalah dalaman dan luar negara. Majlis Syura terbahagi kepada 2 iaitu Majlis Syura Tinggi dan Majlis Syura Am. Bagi hal-hal yang kurang penting, perbincangan dijalankan di masjid.

g. **Bidang Kehakiman.**

Jabatan Kehakiman telah ditubuhkan dan jabatan ini telah diasingkan daripada jabatan lain untuk mengelakkan bias dan menjamin keadilan. Pelantikan hakim dibuat dengan syarat-syarat yang ketat seperti berilmu, berperibadi tinggi dan dikenali masyarakat. Hakim juga dibayar dengan gaji yang tinggi (500 dirham sebulan) untuk mengelakkan rasuah. Hakim / kadi tidak digalakkan terdedah kepada umum

2. **Pembaharuan Ekonomi.**

- a. Umar menubuhkan institusi Baitulmal atau perbendaharaan Negara. Segala pendapatan dan perbelanjaan Negara akan direkodkan. Sumber Baitulmal daripada zakat,ghanimah,fay,jizyah,kharaj,usyur dan harta peninggalan orang yang tiada waris.
- b. Pentadbiran tanah yang teratur dan sistematik diperkenalkan. Tanah yang dikuasai oleh tentera Islam terbahagi dua iaitu tanah ghanimah (diurus oleh pemilik asal) dan tanah sawafi (diurus oleh pemegang amanah yang dilantik oleh al-ayyam iaitu peneroka). Tanah ini tidak boleh dibeli atau dimiliki oleh sesiapa. Hasil pungutan akan digunakan untuk membangunkan wilayah masing-masing.
- c. Sistem percukaian tanah dan tanaman.

Tanah yang subur akan dikenakan cukai yang lebih tinggi berbanding dengan tanah yang kurang subur. Cukai tanah berbeza mengikut jenis tanaman iaitu gandum dikenakan cukai 2 dirham, barli 1 dirham, anggur 10 dirham.

d. Memajukan sektor pertanian.

Memperkenalkan peraturan yang membenarkan rakyat memiliki tanah sekiranya mereka meneroka tanah baru atas tujuan pertanian. Tanah yang dibeli tanpa diusahakan dalam tempoh 3 tahun akan menjadi milik kerajaan semula. Terusan telah dibina untuk memantapkan aktiviti pertanian. Contohnya Terusan Abu Musa Asyari di Iraq dan terusan Amir al-Mukminin di Mesir.

3. **Pembaharuan Sosial.**

- h. Untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan tersusun. Penduduk di setiap wilayah yang dikuasai tentera disusun kepada 7 unit suku seperti Kinanah, Tamim, Lyad dll. Setiap unit ada perkampungan dan ketua masing-masing dan dibayar gaji mengikut kadar yang telah ditetapkan.
- i. Umar yang mewujudkan takwim Islam berdasarkan tahun Hijrah iaitu bermula 1 Muharam. Tujuannya adalah untuk memudahkan urusan pentadbiran Negara.
- j. Dalam bidang pendidikan. Kelas membaca al-Quran diadakan di seluruh wilayah Islam.

4. **Kesimpulan : (2 markah)**

Selepas dilantik menjadi khalifah, Umar telah membuat pelbagai pembaharuan untuk memperbaiki sistem pentadbiran. Pelaksanaan dan kejayaan dalam pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh Khalifah Umar berkaitan dengan asas yang telah dikakukan oleh Rasulullah dan Khalifah Abu Bakar. Dengan pentadbiran yang bersistematik menyebabkan Negara menjadi makmur dan pembentukan empayar Islam dapat dimulakan.

12. Sejauhmanakah peranan kumpulan-kumpulan Arab Quraisy dan Yahudi di Madinah dalam mencetuskan Perang Al Ahzab.

A. Pendahuluan. (3 M)

1. Perang Ahzab juga dikenali sebagai Perang Khandak kerana dalam peperangan ini umat Islam telah menggali parit di sekeliling kota Madinah sebagai benteng pertahanan. Jumlah tentera musuh ialah 100,000 orang di bawah pimpinan Abu Sufyan.
2. Istilah al-Ahzab merujuk kepada gabungan musuh Islam yang diketuai oleh kaum Quraisy yang dibantu oleh bani Ghatfan, Yahudi Bani Nadir, Yahudi bani Quraizah, Orang-orang munafik, suku-suku Arab tertentu dan orang persaorangan seperti Hayy Bin Akhtab.

B. Peranan kumpulan-kumpulan terlibat. (Markah: 7 isi x 3 M = 21 M)

1. **Tentera Quraisy Mekah**
Dipimpin oleh oleh Abu Sufyan in Harb yang bertanggungjawab mengeluarkan arahan dan merangka strategi.Pasukan Quraisy dilengkapi dengan peralatan yang lengkap.
2. **Bani Ghatafan**
Diketuai oleh Uyainah Bin Hisn berjumlah 1000 orang lengkap dengan peralatan berkuda dan bersenjata. Mereka menyerang dengan anak panah dari seberang parit.
3. **Yahudi Bani al- Nadir**
Berperanan untuk membangkitkan semangat dan api permusuhan serta menghasut kabilah-kabilah Arab menentang kerajaan Islam pimpinan Nabi Muhammad s.a.w.
4. **Yahudi Bani Quraizah**
Satu-satunya puak Yahudi yang tinggal yang tinggal dalam kota Madinah.Mereka Menyertai tentera bersekutu dan menyerang kota Madinah dari arah belakang.
5. **Golongan Munafikin**
Bertindak sebagai gunting dalam lipatan yang memberi tekanan yang berat Terhadap orang-orang Islam. Mereka menjadi pengintip dan berpaling tadah dari orang Islam.
6. **Huay Bin Akhtab**
Menghasut orang-orang Yahudi Bani Quraizah agar membatalkan perjanjian mereka dengan Nabi Muhammad s.a.w dan menentangnya.

7. Suku-suku kecil Arab

Golongan ini terdiri dari puak Ban Murrāh, Asyja', Sali, Saad dan lain-lain yang berperanan sebagai pembantu kepada pasukan tentera bersekutu

Kesimpulan (1 M)

Peperangan Ahzab membuktikan kepada masyarakat Arab bahawa kekuatan fizikal semata-mata belum pasti dapat menjamin kemenangan kepada pihak tentera bersekutu dan kaum musyrikin Mekah serta golongan Yahudi. Peristiwa tersebut telah menunjukkan kewibawaan serta kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai seorang pemimpin yang terulung.

13. Bincangkan sejarah, fungsi dan pelaksanaan zakat dari zaman Rasulullah s.a.w hingga pada zaman Bani Umayyah. (25M)

A. PENDAHULUAN : (3markah)

Dari segi bahasa zakat bermaksud penambahan dan penyuburan pahala serta penyucian jiwa. Dari segi syarak pula, zakat ditakrifkan sebagai mengeluarkan harta mengikut kadar tertentu berdasarkan syariat yang telah ditentukan.

B. Isi-Isi Jawapan : (20 markah)

1. Sejarah pelaksanaan zakat (3 isi x 2 markah =6 markah)

Bermula sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Pada zaman Rasulullah telah ada amalan sedemikian. Dalam Al Quran, Allah telah menyebut beberapa Nabi dan Rasul terdahulu yang melaksanakan zakat. Antaranya Nabi Ibrahim, Nabi Yaakub, Nabi Ismail dan Nabi Isa.

Peringkat kedua pelaksanaan zakat dapat dilihat sebelum penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah. Pada masa ini zakat dikaitkan dengan amalan tolongmenolong golongan bangsawan terhadap golongan miskin khususnya pada awal penyebaran Islam. Contohnya Siti khadijah dan Abu Bakar As Siddiq yang banyak mendermakan harta mereka demi perjuangan Islam. Cuma pengeluaran zakat pada ketika ini hanya bertaraf pilihan tanpa dihadkan kadar nisab dan jenis harta benda yang hendak dikeluarkan.

Pada 2 H, zakat mula difardukan ke atas setiap umat islam antara bulan Syaaban hingga Syawal. Rasulullah s.a.w. pernah berpesan agar umat Islam menunaikan zakat.

2. Fungsi Zakat (3 isi x 2 markah =6 makah)

Dapat membersihkan jiwa dan rohani manusia daripada sifat bakhil, sombong, mementingkan diri dan sayangkan harta. Dengan mengeluarkan zakat dapat melahirkan masyarakat yang aman dan saling bantu membantu. Zakat juga menguji golongan kaya agar bersifat pemurah, tolong menolong terhadap golongan yang kurang berada.

Zakat mewujudkan suasana harmoni antara golongan berada dengan golongan miskin dan merapatkan jurang sosial antara mereka. Golongan miskin tidak akan merasa cemburu dan rendah diri. Manakala golongan kaya pula dapat membantu dan menandakan kesyukuran terhadap harta yang mereka miliki.

Zakat dapat membersihkan harta seseorang daripada bercampur dengan hak orang lain. Mengikut Islam, harta yang dimiliki apabila genap tempoh masa dan jumlahnya perlulah mengeluarkan sebahagian hartanya untuk diagihkan kepada yang berhak.

3. Pelaksanaan zakat. (4 isi x 2 markah = 8 makah)

Pada zaman Rasulullah, zakat diwajibkan pada 2 H. Zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta benda. Zakat fitrah merupakan zakat yang

diwajibkan ke atas orang Islam pada akhir bulan Ramadhan setiap tahun. Zakat ini diwajibkan kepada semua peringkat umur. Zakat harta benda ialah zakat yang dikeluarkan oleh mereka yang mempunyai harta dengan kadar tertentu. Harta yang diwajibkan zakat ialah tanaman, binatang ternakan, emas, perak, barangan perniagaan dan harta rikaz. Zakat diberikan kepada 8 asnaf iaitu golongan fakir, miskin, muafak, orang berjihad, orang berhutang, hamba yang hendak memerdekakan dirinya, musafir dan amil.

Pada zaman Abu Bakar as- Siddiq, beliau telah bertindak tegas dengan golongan yang enggan membayar zakat (Gerakan ar-Riddah) seperti di Yaman, Bahrin dan Oman. Beliau telah membentuk 11 pasukan tentera yang diketuai oleh Khalid bin al- Walid untuk memerangi golongan tersebut.

Semasa Khalifah Umar al-Khattab, hasil pungutan zakat bertambah berikutan jumlah orang Islam kian meningkat. Ekoran perluasan kuasa pemerintahan kerajaan Islam semasa Umar. Amil dilantik untuk memungut zakat dan disimpan dalam Baitul Mal sebelum diagihkan.

Semasa zaman Bani Umayyah, Diwan al-Kharaj ditubuhkan untuk menyelaras pemungutan zakat. Semasa Umar Abdul Aziz, masyarakat disarankan untuk bekerja keras dan tidak boleh mengharapkan belas kasihan orang lain. Sehingga dilaporkan tiada orang yang berhak menerima zakat pada zaman pemerintahannya. Zakat pada zaman Umayyah dibahagikan kepada lima iaitu zakat emas dan perak dikenakan 2.5%, zakat binatang ternakan dan barang perdagangan 2.5%, harta rikaz dan galian dibumi perang 1/5 dan dibumi aman 2.5%, zakat tanaman dan buahan jika menggunakan siraman hujan sebanyak 1/10, manakala menggunakan siraman sendiri kadarnya 1/20, kadar zakat di zaman ini bergantung kepada keuntungan, hak milik dan peralatan pertanian. Sekiranya jika ada yang enggan melaksanakan zakat akan dikenakan hukuman mengikut syarak.

Kesimpulan (2 markah)

Zakat amat penting sebagai sumber pendapatan negara. Ia bukan sahaja dapat mewujudkan suasana yang muhibah bahkan dapat menguatkan tahap keimanan umat slam. Ia juga dapat menyucikan diri daripada sifat tamak haloba.

14. Jelaskan jenis-jenis institusi pendidikan Islam yang terdapat di Alam Melayu.

A. PENGENALAN. (3 m)

Dalam konteks Islam, pendidikan melibatkan proses sepanjang hayat, iaitu bermula dari dalam buaian hingga ke liang lahad. Pendidikan dalam Islam memberikan kebebasan kepada semua orang untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira jantina, kekayaan, dan warna kulit.

B. ISI - ISI PENTING. (7 isi X 3m)

i) Institusi – institusi pendidikan Islam di Alam Melayu

1. **Masjid** ; merupakan institusi utama bagi masyarakat Melayu mendapatkan ilmu pengetahuan, khususnya asas-asas ajaran Islam selain tempat beribadat. Institusi ini terbuka kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kelas. Proses pembelajaran yang berlaku di sini biasanya secara tidak formal.

2. **Istana** ; merupakan salah satu institusi terawal di Alam Melayu. Walau bagaimanapun, institusi ini hanya terbuka kepada kelas bangsawan, khususnya anak-anak raja. Pembelajaran berlaku secara formal dan tidak formal. Ilmu-ilmu yang diajar , sama ada ilmu agama ataupun ilmu pemerintahan sebagai persediaan untuk memerintah kelak. Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran bertulis biasanya disimpan di istana.

3. **Pondok** ; institusi pendidikan tertua di Asia Tenggara. Kebiasaannya pondok terletak di kawasan pedalaman bagi mengelak berlakunya pengaruh negatif. Peringkat awal, institusi ini tidak mempunyai kurikulum khas, namun berkembang meliputi hal-hal keagamaan dan bukan keagamaan.

4. **Meunasah** merupakan institusi asas, di mana kanak-kanak akan menerima pendidikan asas daripada seorang guru yang dikenali sebagai Tengku Meunasah. Para pelajar akan dideahkan dengan membaca dan menulis Arab dan membaca al-Quran.

5. **Rangkang** pula merupakan sekolah menengah ; para pelajar akan diajar bahasa Arab, fiqah atau tauhid, dan tasawuf. Tenaga pengajar terdiri daripada ulama dari luar negara dan para pelajarnya datang daripada pelbagai daerah. Buku-buku yang digunakan, sama ada dalam bahasan Melayu ataupun bahasa Arab.

6. **Jamiah Baitul Rahman** ; merupakan institusi pendidikan tertinggi di Aceh. Di sini terdapat tujuh buah fakulti yang meliputi hal-hal keagamaan dan matematik, falsafah, undang-undang, peperangan, dan sebagainya. Tenaga pengajar terdiri daripada ulama dari Aceh sendiri, Arab, Turki, Parsi, India dan lain-lain.

7. **Rumah Guru**- guru tidak diberikan gaji, namun mendapat pertolongan daripada anak-anak Murid mengerjakan tanah-tanah pertanian dan seumpunya.

8. **Madrasah** pula dianggap sebagai sekolah/tempat belajar sejak zaman kerajaan Seljuk hingga abad ke-12 Masihi. Sistem ini mengandungi tiga peringkat; rendah (bawah), menengah dan tinggi..

C. KESIMPULAN. (1 m)

Masyarakat Melayu memberikan focus pada aspek pendidikan bagi mendalami ilmu, khususnya keagamaan.

15 Bandingkan konsep manusia mengikut pandangan Islam dan Arab Jahiliah.

Skema Pemarkahan

A Pengenalan (3 markah)

1. Pengertian Jahiliah
2. Pengertian manusia – dalam bahasa Latin, manusia dipanggil sebagai homospiciens. Manusia adalah sejenis haiwan mamalia yang boleh berfikir dan berkata-kata. Mengikut kajian arkeologi, manusia sudah pun wujud sejak 500,000 tahun dahulu, iaitu pada zaman Air Batu.
3. Pengertian Islam

B Isi (20 markah)

Perbandingan manusia menurut Islam dan Jahiliah

1. Dalam Islam manusia diciptakan oleh Allah s.w.t. untuk **mengabdikan diri** kepada Allah s.w.t. agar menjadi seorang hamba yang soleh. Dalam hubungan ini, Allah s.w.t. telah menjelaskan matlamat penciptaan manusia menerusi firmanNya: dalam surah al-Zaariyat ayat 56 yang bermaksud: “Dan tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepadaKu”,, sedangkan pandangan Jahiliah lagi **menjadikan hawa nafsu sebagai panduan bagi kehidupan mereka di dunia ini**. Sehubungan dengan ini, berjudi, minum arak, dan makan riba dianggap sebagai satu jalan mencari rezeki yang baik dan mudah, oleh itu, mereka melakukannya. Minum arak pula dianggap satu perbuatan yang baik dan mulia.
2. Agama Islam juga menyarankan kepada manusia agar membangunkan unsur-unsur **rohani dan jasmani** demi mencapai keseimbangan dalam diri manusia. Keseimbangan di antara fizikal dan spiritual ini penting demi mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak, sedangkan mengikut **pandangan Jahiliah**, mereka melihat manusia dari **sudut jasadiyah semata – mata**.
3. Dalam Islam, kedudukan manusia di sisi Allah s.w.t. juga **dikira sama tarafnya** tanpa mengira warna kulit, keturunan, pangkat, dan lain-lain, Islam melarang perhambaan di kalangan manusia, **sedangkan** dalam

pandangan Jahiliah, status mereka dalam masyarakat bergantung kepada keturunan dan kabilah. Sekiranya kabilah itu kaya, kuat, dan berpengaruh maka seseorang anggota kabilah itu dipandang mulia. Begitulah sebaliknya.

4. Dalam Islam, manusia yang paling mulia adalah manusia yang **bertaqwa**, sedangkan dalam pandangan Jahiliah, kemuliaan seseorang diukur berdasarkan pangkat, keturunan, material dan ramai hamba.
5. Dalam Islam, semua manusia **dari keturunan Adam** dan manusia dijadikan dari **tanah**, sedangkan pandangan Jahiliah, mereka **tidak tahu asal usul mereka**.
6. Dalam Islam, semua umat Islam sangat **percaya kepada hari akhirat/ hari pembalasan**, ada syurga dan neraka, sedangkan bagi pandangan Jahiliah manusia tidak bersifat abadi dan akan terhapus setelah berlakunya kematian dan **tidak mempercayai adanya Hari Akhirat dan Hari Pembalasan**. Dengan sebab itulah kehidupan manusia pada zaman berkenaan penuh dengan kemaksiatan.
7. Dalam Islam, umatnya percaya **Allah swt sebagai pencipta**, yang mencipta alam ini, sedangkan bagi Jahiliah pula, mereka **mempercayai adanya tuhan tetapi tidak beriman kepada satu tuhan**.

(10 x 2 markah = 20 markah= 10 m untuk Islam, 10 m untuk Jahiliah)
mesti ada unsur perbandingan)

C Kesimpulan (2 markah)

Manusia menurut pandangan Islam adalah untuk melaksanakan perintah-perintah Allah s.w.t. bagi mendapatkan keredhaannya dan kemuncaknya mencapai kebahagiaan di dunia serta akhirat. Sementara manusia menurut pandangan Jahiliah pula mengikut telunjuk hawa nafsu dengan mengenyakan soal akhirat

16. Bandingkan tujuan penjelajahan dan penerokaan dalam tamadun Islam dan Tamadun Barat.

A. Pengenalan

Definisi penjelajahan dan penerokaan.

1. Menurut Kamus Dewan penjelajahan ialah perihal menjelajahi, mengelilingi atau berjalan ke merata tempat untuk menyelidiki . Manakala penerokaan ialah perihal perbuatan meneroka dan menerokai.
2. Latar belakang penjelajahan dan penerokaan tamadun Islam
3. Latar belakang penjelajahan dan penerokaan tamadun barat

B. Isi-isi penting :

Tujuan penjelajahan dan penerokaan Islam dan Barat (5isi x 4M=20M)

1. Penyebaran Agama

Para pendakwah Islam menjelajah ke seluruh dunia untuk menyebarkan Islam. Saad b Abi Waqas telah berdakwah di China. Selain itu, Syeikh Abdul Aziz dan Maulana Malik Ibrahim dihantar ke alam Melayu. Muaz b Jabal pula dihantar ke Yaman untuk berdakwah di sana. Pada zaman Khalifah Umar al Khattab, Umat Islam telah menjelajah hingga ke Parsi, Rom, dan China untuk menyebarkan Islam.

Begitu juga orang Eropah dalam Tamadun Barat menjelajah untuk menyebarkan agama Kristian. Orang Kristian dan Islam bermusuhan sejak perang salib. Oleh itu, orang Kristian berhasrat untuk menghapuskan pengaruh Islam dan menggantikannya dengan agama Kristian. Caranya ialah mereka menguasai jalan perdagangan dan menghapuskan monopoli perdagangan yang dikuasai oleh orang Islam di Eropah dan Asia. Idea penjelajahan juga disokong oleh pihak gereja dan raja-raja Eropah. Oleh itu, agama kristian cuba disebar ke seluruh dunia menyebabkan mereka gemar menjelajah ke benua Afrika dan Asia.

2. Meningkatkan Ilmu Pengetahuan

Bidang geografi dan pelayaran telah diteroka oleh umat Islam. Selepas wilayah Islam berkembang luas, pengetahuan umat Islam semakin bertambah tentang kedudukan sebuah negara dan bumi. Para intelektual slam mempelajari pelbagai ilmu seperti astronomi, geografi, perubatan daripada peradaban-peradaban lain.

Begitu juga dalam tamadun barat melakukan penerokaan dan penjelajahan bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan. Melalui perkembangan teknologi perkapalan orang Eropah telah membina kapal-kapal laut yang kukuh. Di samping itu bidang geografi juga menggalakkan penjelajahan. Perkembangan

dalam bidang pelayaran turut disebabkan oleh kesedaran orang Eropah tentang konsep bumi bulat dan boleh dijelajah dengan selamat. Oleh itu, ilmu penting sebagai faktor penggalak penerokaan dan penjelajahan barat.

3. Kegiatan Perdagangan

Pedagang-pedagang Arab dihantar ke negara luar untuk mendapatkan makanan, kuda, kayu, logam, dan hamba. Pedagang Arab berdagang di Khanfou, China pada abad ke-2 H, Asia Tenggara abad ke-10M, India Abad ke-3-4, Yaman, Habsyah, Mesir, dan Asia Timur.

Begitu juga dengan Tamadun Barat, mereka datang ke timur untuk mendapatkan keperluan barangan seperti rempah, sutera, dan lain-lain. Faktor ini dapat memecahkan monopoli dan penguasaan pelabuhan-pelabuhan Itali terhadap barangan timur. Penemuan jalan laut mempercepat proses perdagangan antara barat dan timur.

4. Perluasan kuasa dan Pengaruh.

Pada zaman Umaiyah, Khalifah al Walid b Abd Malik Islam telah bertapak di China, India, Asia tengah, Utara Afrika dan Sepanyol. Pemerintah Islam berusaha memperkukuh politik Islam di seluruh Afrika Utara dari pantai Atlantik hingga Laut Merah.

Begitu juga dengan Tamadun Barat, perkembangan fahaman kapitalisme pada abad ke-16 dan 17 dan konsep merkantilisme membantu perkembangan perdagangan. Oleh itu, orang Eropah berusaha meneroka dan menjelajah benua Asia dan Afrika untuk mengukuhkan kuasa dan pengaruh mereka. Pengukuhan kuasa dan pengaruh ini meningkatkan penguasaan terhadap perdagangan di kawasan tersebut.

5. Memenuhi perasaan ingin tahu

Dalam Tamadun Islam, perasaan ingin tahu mengenai sesuatu tempat yang terletak jauh dari petempatan mereka mendorong umat Islam melakukan aktiviti penerokaan dan penjelajahan.

Begitu juga Tamadun Barat, Zaman Renaisans telah melahirkan semangat ingin tahu dalam kalangan masyarakat Eropah. Mereka mula menumpukan terhadap falsafah dan pemikiran yang moden daripada pemikiran yang kuno

6. Membebaskan manusia dari cengkaman penjajahan dan kejahilan.

Dalam Tamadun Islam penerokaan dan penjelajahan bertujuan membebaskan manusia dari cengkaman penjajahan dan kejahilan.

Sebaliknya, Tamadun Barat tidak mementingkan aspek ini.

7. Menambah keimanan dan ketaqwaan

Dalam Tamadun Islam penerokaan dan penjelajahan bertujuan memerhati ciptaan Allah dan menghadapi cabaran semasa pelayaran. Objektif ini dapat dicapai setelah melihat kepelbagaian benda dan makhluk ciptaan Ilahi.

Sebaliknya, Tamadun Barat lebih mengutamakan keseronokan dan kepuasan diri.

8. Mengambil iktibar ke atas masyarakat terdahulu dan menghayati tinggalan tamadun Islam.

Dalam Tamadun Islam penerokaan dan penjelajahan bertujuan mengambil iktibar ke atas masyarakat terdahulu dan menghayati tinggalan tamadun Islam. Contohnya Insaf melihat peninggalan kaum Thamud dan 'Ad yang ingkar terhadap ajaran Allah.

Sebaliknya Tamadun Barat tidak mempunyai tujuan ini.

9. Dorongan al-Quran

Umat Islam melakukan penjelajahan dan penerokaan didorong oleh seruan al-Quran. Contohnya Firman Allah yang bermaksud "Katakanlah: Berjalanlah di muka bumi, maka perhatikanlah bagaimana Allah swt. menciptakan manusia dari permulaannya, kemudian Allah swt. menjadikannya sekali lagi.

Sebaliknya, Tamadun Barat didorong oleh golongan gereja dan raja.

C. Kesimpulan (2M)

Apa-apa sahaja yang berkaitan.

SULIT*

PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERI 940/2 STPM 2011 PERPERCUBAAN ST PEP. PERCUBAAN 011
PERI 940/2 STPM 2011 PERPERCUBAAN ST STPM 2011 011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN ST
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN ST SKEMA JAWAPAN AN STPM 2011
PERPERCUBAAN ST AN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 KERTAS 2 011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011
PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011 PERPERCUBAAN STPM 2011

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA STPM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TAHUN 2011



SOALAN 1

HURAIKAN STRUKTUR SOSIAL MASYARAKAT MELAYU DI TANAH MELAYU SEBELUM CAMPUR TANGAN BRITISH PADA TAHUN 1874.

Pengenalan :

- Sebelum tahun 1874, struktur masyarakat Melayu adalah bercorak feodal. Secara umumnya, masyarakat Melayu dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah.
- Golongan pemerintah merupakan kumpulan yang kecil tetapi mempunyai pengaruh dan kuasa dalam masyarakat Melayu tradisional. Golongan pemerintah terdiri daripada sultan atau raja, kerabat diraja, pembesar dan ulama.
- Manakala, golongan yang diperintah mempunyai jumlah yang sangat ramai dalam kalangan masyarakat Melayu. Golongan ini terdiri daripada rakyat biasa yang merdeka dan golongan hamba.
- Setiap golongan dalam masyarakat Melayu mempunyai peranan masing-masing.

Isi: (10m gol pemerintah 10 m gol diperintah)

1. Sultan atau raja.

- Sultan merupakan pemerintah tertinggi di setiap negeri. Sultan akan menjadi ketua kerajaan dan ketua pemerintah serta mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat.
- Sultan turut mempunyai kuasa dalam bidang ekonomi dan sistem kehakiman negeri.
- Seorang sultan turut mempunyai banyak keistimewaan berbanding dengan rakyat biasa.
- Misalnya, penggunaan bahasa dalam atau istana, penggunaan warna kuning dan alat- alat kebesaran diraja. Sultan juga dikaitkan dengan kuasa daulat. Rakyat yang menderhaka terhadap sultan akan terkena tulah.
- Upacara pertabalan sultan akan dilaksanakan untuk mengesahkan kekuasaan seorang sultan tersebut. Sultan yang mangkat akan digantikan oleh putera sulung atau adik lelaki sulung.
- Sultan juga menjadi lambang perpaduan dan keamanan negeri Melayu.

2. Pembesar

Kerabat diraja.

- Golongan ini mempunyai pertalian darah dengan sultan dan lazimnya menggunakan gelaran raja atau tengku.
- Golongan tersebut mempunyai kedudukan dan pengaruh yang besar dalam masyarakat Melayu. Mereka turut memiliki keistimewaan seperti mana Sultan tetapi tidak boleh mengatasi keistimewaan Sultan. Mereka sangat dihormati oleh rakyat jelata.
- Anak-anak raja akan diberikan peluang untuk menjawat jawatan penting dalam kerajaan, misalnya akan memerintah daerah atau mukim tertentu.
- Bilangan kerabat diraja sangat ramai kerana amalan berpoligami oleh sultan.
- Walau bagaimanapun, anak daripada permaisuri pertama akan mendapat tempat yang istimewa, terutama dalam pelantikan sebagai putera mahkota atau raja muda.

-Golongan pembesar mempunyai kedudukan yang ketiga dalam struktur masyarakat Melayu sebelum tahun 1874 di Tanah Melayu. Golongan ini dikenali sebagai keturunan baik-baik atau anak baik-baik.

-Golongan pembesar terdiri daripada dua kumpulan iaitu kerabat diraja dan kerabat bukan diraja . Golongan bukan kerabat diraja mendapat jawatan pembesar kerana mempunyai kebolehan mentadbir dan mempunyai jasa terhadap kerajaan.

-Golongan pembesar mempunyai tugas menjaga keamanan dan memungut cukai di kawasan atau daerah masing-masing.

-Pembesar juga mempunyai kuasa dalam bidang kehakiman seperti menjatuhkan hukuman terhadap pesalah jenayah dan sivil.

-Pembesar juga bertanggung jawab untuk mengekalkan taat setia rakyat terhadap Sultan dengan cara melaksanakan sistem serah dan kerah.

-Selain itu, terdapat juga golongan pembesar yang bertugas di luar istana, iaitu penghulu dan ulama.

-**Penghulu** mempunyai tugas menjaga keamanan, membekalkan tenaga buruh, mengutip cukai dan memastikan rakyat taat setia terhadap Sultan.

-**Ulama** merupakan golongan cerdas; pandai dalam bidang agama Islam.

-Golongan ini akan memegang jawatan seperti kadi, mufti, imam, khatib mahupun guru agama

-Golongan ini akan bertindak sebagai penasihat kepada Sultan berkaitan dengan hukum-hukum agama Islam.

-Para ulama biasanya berketurunan Arab berasal dari Asia Barat, India dan Pulau Jawa.

-Mereka menggunakan gelaran seperti maulana

3. Golongan merdeheka.

-Golongan ini terdiri daripada rakyat biasa dan orang asing.

-**Rakyat biasa** merupakan penduduk peribumi yang bermastautin tetap di negeri tertentu.

-Rakyat biasa hidup bebas menjalankan kegiatan ekonomi masing-masing seperti berniaga, menangkap ikan, melombong, tukang mahir dan sebagainya.

-Rakyat biasa merupakan pengikut taat setia terhadap pembesar yang mentadbir daerah.

-Mereka akan sentiasa mengikut arahan golongan pembesar.

-Mereka akan menjalankan semua suruhan pembesar, misalnya dalam sistem kerah dan serah.

-**Rakyat Asing.** Golongan ini hanya tinggal sementara di Tanah Melayu dan akan kembali ke negeri asal mereka.

-Golongan ini terdiri daripada pedagang, perantau, mubaligh dan senteri serta orang asing yang datang ke Tanah Melayu sebagai tentera upahan.

-Orang asing yang berkahwin dengan orang tempatan biasanya akan terus menetap di Tanah Melayu.

-Masyarakat Tamil-Islam merupakan kumpulan orang asing yang paling ramai di Tanah Melayu. Golongan orang asing tidak wajib mematuhi tradisi dan kebudayaan tempatan Melayu tetapi mereka mestilah mematuhi undang-undang masyarakat Melayu.

4. Hamba

-Golongan yang menduduki lapisan paling bawah dalam struktur masyarakat Melayu sebelum tahun 1874 ialah hamba.

-Hamba dalam masyarakat Melayu dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu hamba biasa, hamba berhutang dan hamba raja.

-**Golongan hamba biasa** merupakan golongan orang suruhan atau keturunan hamba. Golongan ini biasanya akan dijual beli dan menjadi hamba seumur hidup. Seluruh keluarganya akan menjadi hamba kepada tuannya.

-Manakala **hamba berhutang** merupakan orang biasa yang menjadi hamba kerana gagal membayar hutang. Hamba berhutang akan bebas setelah nilai hutang tersebut habis setelah bekerja dengan tuannya. Antara kerja yang biasa dilakukan ialah bertani dan melombong.

-Selain itu, **hamba raja** merupakan golongan merdeka yang telah melakukan kesalahan jenayah dan diampunkan oleh sultan. Hamba raja juga terdiri daripada tawanan perang.

-Hamba raja mempunyai kedudukan paling tinggi dalam kalangan semua hamba.

Kesimpulan:

-Struktur masyarakat Melayu sebelum tahun 1874 sememangnya sistematik; daripada golongan memerintah sehinggalah kepada golongan yang diperintah.

-Setiap golongan dalam struktur masyarakat Melayu mempunyai tugas dan peranan masing-masing.

-Namun, setelah campur tangan British dalam sistem politik negeri-negeri Melayu, struktur masyarakat Melayu telah mengalami perubahan yang ketara.

-Hal ini kerana peranan golongan pembesar dan hamba telah mula dihapuskan oleh penjajah British.

SOALAN 2

BINCANGKAN FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN PERUSAHAAN GETAH DI TANAH MELAYU SEHINGGA AWAL ABAD KE-20.

Pendahuluan (2-3 m)

- a) Sebelum getah, kopi menjadi tanaman dagangan penting.
- b) Kejatuhan harga kopi menyebabkan getah mula diperkenalkan.
- c) Pada abad ke-20, getah menjadi tanaman dagangan yang sangat penting.
- d) Digiatkan secara besar-besaran di Selangor, Johor, Perak dan Negeri Sembilan.

Isi-isi (20 m)

1. Sumbangan H.N Ridley

- Beliau berusaha memujuk dan member galakan kepada peladang-peladang kelapa, kopi dan tebu yang masih ragu-ragu terhadap potensi getah.
- Selain itu, beliau juga memperkenalkan cara menoreh getah iaitu dengan menggunakan sistem ibedem atau sistem tulang ikan herring pada tahun 1897. Kaedah ini dapat memanjangkan umur pokok getah yang ditoreh serta dapat meningkatkan hasil pengeluaran susu getah.
- Cara mengangkut anak getah dengan selamat juga merupakan salah satu usaha Ridley. Beliau memperkenalkan cara yang paling selamat mengangkut anak getah dalam keadaan iklim yang panas ialah dengan membungkusnya dalam arang yang lembap.

2. Dasar British

- Kerajaan British juga mengambil langkah untuk meluaskan usaha penanaman getah contohnya, pada tahun 1897, tanah yang digunakan untuk penanaman getah dikenakan cukai sebanyak 10 sen seeker bagi tempoh 10 tahun yang pertama.
- Cukai ke atas getah hanya dikenakan 2.5% selama 15 tahun.
- Kemudahan sistem perhubungan disediakan untuk mengangkut getah.
- Menetapkan kuota eksport getah.

3. Perkembangan Industri

- Permintaan getah semakin meningkat disebabkan oleh perkembangan industri pembuatan kasut, pepadam, tayar basikal dan motokar.
- Tayar-tayar pneumatic yang dicipta oleh J.B Dunlop menggalakan lagi perkembangan perusahaan getah. Tayar-tayar jenis ini banyak digunakan sehingga menjelang tahun 1909 dan menjadi bahan keluaran utama perusahaan getah.

- Perusahaan membuat motokar di Amerika Syarikat meningkatkan lagi permintaan getah dunia. Pada tahun 1910, AS telah mengeluarkan motokar sebanyak 500 000 unit dan meningkat lagi pada tahun 1920 menjadi 8 juta unit. Oleh itu AS menjadi pembeli utama getah dunia.

4. Kejatuhan harga kopi

- Kejatuhan harga kopi disebabkan oleh penawarannya yang berlebihan. Keadaan ini juga menggalakan penanaman getah dan ia telah menjadi tanaman gantian yang sesuai.
- Serangan kupu-kupu Beehawk

5. Peranan Syarikat Eropah

- Para pelabur sama ada pelabur individu atau syarikat-syarikat Eropah dapat mengumpul modal yang besar untuk melabur dalam penanaman getah. Contohnya Syarikat Pembangunan Duff telah menerokai dan membuka ladang getah di Kelantan pada tahun 1906. Syarikat Getah Dunlop juga membuka ladang sendiri pada tahun 1910 dan ladang-ladang Dunlop Berhad ditubuhkan pada tahun 1915.

6. Peranan Peneroka

- Keyakinan orang ramai terhadap penanaman getah adalah kerana sumbangan beberapa peneroka perintis. Antaranya ialah adik-beradik Kindersley yang menanam lima ekar getah di ladang kopi mereka di Selangor. Tay Chay Yan seorang pengusaha ubi kayu di Malaka juga menanam 40 ekar getah. Pada tahun 1898, sultan Perak sendiri juga mencari sebidang tanah bagi penanaman getah untuk orang-orang Melayu.
- Penanaman getah yang diceburi oleh peneroka-peneroka ini didapati mendatangkan hasil. Oleh itu, keadaan ini secara langsung telah menggalakan orang ramai untuk mengusahakan penanaman getah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu semakin luas.

7. Penyelidikan Saintifik

- Penyelidikan saintifik terhadap pokok-pokok getah turut dilaksanakan. Misalnya, Jabatan Pertanian yang ditubuhkan pada tahun 1905 adalah untuk menjalankan pelbagai penyelidikan.
- Pusat Penyelidikan Getah ditubuhkan untuk menyelidik cara penanaman yang lebih baik dan penggunaan baja-baja, pisau yang sesuai, kawalan serangga dan sebagainya.
- Proses mengetut dan menggunakan biji benih daripada pokok yang lebih baik telah mengeluarkan hasil getah yang berlipat ganda. Selain daripada itu, penemuan cara mengawet dan memekatkan susu getah telah membolehkan getah dieksport dalam bentuk susu.

8. Kemasukan Buruh India

- Tenaga buruh yang ramai dan murah khususnya orang India dari India Selatan telah dibawa masuk secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang getah.
- Dibawa masuk melalui Sistem Kontrak dan Sistem Kangani. Buruh ini diupah dengan gaji yang rendah dan sikap mereka yang rajin bekerja dan mudah dikawal dapat mengembangkan lagi perusahaan getah.

Kesimpulan (2 m)

- Tanah Melayu menjadi antara pengeluar utama getah dunia
- Usaha berterusan dilakukan untuk meningkatkan hasil pengeluaran getah.
- Industri getah merosot menjelang akhir tahun 1920-an dan awal tahun 1930-an
- Rancangan Sekatan Stevenson diperkenalkan untuk menstabilkan harga getah.

SOALAN 3

JELASKAN SEBAB-SEBAB PEMBENTUKAN PERJANJIAN PERSEKUTUAN 1896 DAN KEPENTINGANNYA DARIPADA SEGI POLITIK DAN EKONOMI.

Pendahuluan.

Pada 1893 Frank Swettenham telah mencadangkan pembentukan sebuah persekutuan yang terdiri daripada Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Setelah dua tahun dikaji, Pejabat Tanah Jajahan di London telah meluluskannya dengan syarat Sultan di keempat-empat buah negeri tersebut mesti bersetuju. Perjanjian Persekutuan telah ditandatangani pada tahun 1895 dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 1896. Terdapat beberapa sebab yang membawa kepada pembentukan persekutuan tersebut seterusnya memberi kepentingan daripada aspek politik dan ekonomi kepada negeri-negeri tersebut.

ISI;

A Sebab-sebab pembentukan. (6m)

1. Masalah kewangan Pahang.

Gerakan penentangan oleh rakyat terhadap British menyebabkan perbelanjaan negeri meningkat melebihi pendapatan. Kerajaan banyak meminjam dari Negeri-Negeri Selat namun Negeri-negeri tersebut tidak mampu lagi membantu. Hasrat British untuk menarik diri dari Pahang akan menjatuhkan imejnya.

2. Mengurangkan kuasa Residen.

Kuasa residen di keempat-empat Negeri-Negeri Melayu tiada garis panduan menyebabkan berlaku penyalahgunaan kuasa oleh residen dan menimbulkan rasa tidak puas hati Sultan terhadap tindakan residen. Gabenor Negeri-Negeri Selat tidak dapat memantau kerana tinggal jauh di Singapura. Akibatnya residen menjadi terlalu berkuasa sehingga Sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri tidak dapat mengawal mereka.

3. Keseragaman pentadbiran.

Pentadbiran di keempat-empat negeri Melayu tiada penyelarasan dan keseragaman. Residen mentadbir mengikut budi bicara masing-masing. Setiap negeri mempunyai sistem kehakiman, undang-undang tanah dan sistem percukaianya tersendiri.

4. Dasar penjajah British.

Sejak 1890an, kerajaan British telah menggalakkan tanah jajahannya dan negeri-negeri naungannya supaya menubuhkan persekutuan. Hal ini telah dilaksanakan dengan jayanya di Australia dan Afrika.

B Kepentingan daripada aspek politik. (7m)

1. Perintis jalan kepada penyatuan negeri-negeri Tanah Melayu. Sebuah kerajaan pusat dibentuk. Setiap negeri dalam persekutuan negeri-negeri mengekalkan identiti masing-masing.

2. Raja-Raja dan Majlis Mesyuarat Negeri di keempat-empat negeri kehilangan kuasa pentadbiran. Pemusatan kuasa pentadbiran bertumpu di tangan Residen Jeneral, yang diberi kuasa terlalu luas. Dasar pentadbiran diputuskan oleh Residen Jeneral tanpa sekatan. Residen Jeneral mempunyai kuasa veto.

3. Majlis Raja-Raja Melayu (Durbar) dibentuk, Sultan-Sultan bermesyuarat bincang kepentingan bersama. Persidangan Durbar pertama diadakan pada 1897 di Kuala Kangsar.

4. Persekutuan 1896 satu petanda baik kepada kewujudan satu bangsa Melayu.

5. Timbul perasaan tidak puas hati dalam kalangan Raja-Raja sehingga membawa kepada dasar pengagihan kuasa pada tahun-tahun berikutnya dan membawa kepada penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909.

C Kepentingan daripada aspek ekonomi. (7m)

1. Pembangunan ekonomi semakin meningkat. Perancangan lebih berkesan dan teratur.

2. Menarik pemodal-pemodal Eropah dan saudagar-saudagar Cina dari Negeri-Negeri Selat melabur.

3. Sektor perlombongan bijih timah dan perladangan getah berkembang pesat. Teknologi baru seperti kapal korek diperkenal dan menjadikan NNMB pengeluar terbesar bijih timah dan getah.

4. Kemudahan infrastruktur seperti pembinaan landasan kereta api dan jalanraya lebih terancang. Menjelang 1903, jalinan jalan kereta api di pantai barat telah siap dibina. Pada tahun 1908, kerajaan telah membeli jalan kereta api Sungai Ujong dari pihak swasta.

5. Pendapatan NNMB meningkat daripada 8.4 juta(1896) kepada 105.4 juta(1927)

6. Pertambahan penduduk akibat kemasukan imigran Cina dan India. Berlaku proses urbanisasi dengan kewujudan bandar-bandar baru seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Seremban dan Ampang. Perkhidmatan sosial diwujudkan seperti kesihatan, pendidikan, pos dan telegraf.

Kesimpulan.

Pembentukan Persekutuan 1896 telah banyak membawa perubahan daripada aspek politik dan ekonomi di keempat-empat negeri Melayu. Berlaku beberapa perubahan dalam sistem pentadbiran dan peningkatan pendapatan negeri hasil perkembangan ekonomi yang semakin meningkat. Namun begitu timbul perasaan tidak puas hati dalam kalangan Sultan-Sultan di keempat-empat negeri tersebut sehingga membawa kepada berlakunya dasar desentralisasi pada 1909 iaitu satu proses pemulangan kuasa dari kerajaan pusat kepada kerajaan negeri.

SOALAN 4.

HURAIKAN PERANAN GOLONGAN INTELEKTUAL DALAM GERAKAN KESEDARAN DI TANAH MELAYU SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

Pendahuluan;

Nasionalisme bermaksud perasaan cinta dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada tanah air sendiri. Nasionalisme Melayu bertujuan untuk menghalau penjajah British agar mereka boleh memperoleh kemerdekaan serta menjalankan pentadbiran sendiri. Dalam tahun 1930-an golongan intelektual memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran kepada orang Melayu akan perlunya orang Melayu mempertahankan hak-hak mereka sendiri dengan memajukan diri dalam bidang politik dan pendidikan.

Perkembangan sistem pendidikan telah melahirkan satu golongan intelektual Melayu yang terdedah kepada pelbagai idea dan falsafah politik. Golongan intelektual yang dimaksudkan ialah mereka yang mendapat pendidikan secular, iaitu dari aliran Inggeris dan aliran Melayu..

ISI_

Golongan Berpendidikan Inggeris (10 m)

- Tokoh; Raja Chulan, Dato' Abdullah Haji Dahan, Mohamad Eunos bin Abdullah dan Dato' Onn bin Jaafar.
- Mereka memberi perhatian berat dalam memperjuangkan kepentingan orang Melayu dengan menyuarakan masalah-masalah social dan ekonomi yang sedang dihadapi oleh masyarakat.
- Mereka menggesa kerajaan British memperbaiki keadaan ekonomi orang Melayu dan membanyakkan peluang untuk membolehkan orang Melayu menceburkan diri dalam perkhidmatan awam di Tanah Melayu. Desakan ini menghasilkan perubahan pada tahun 1930-an apabila kerajaan British mula amalkan dasar liberal dengan beri peluang menceburkan diri dalam perkhidmatan kerajaan.

- Lanjutan penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ramai lulusan maktab dilantik jadi pegawai perkhidmatan kerajaan. Mereka seterusnya menceburkan diri dalam politik untuk memperjuangkan kepentingan Melayu.
- Pada tahun 1926, sebuah pertubuhan separa politik Kesatuan Melayu Singapura (KMS) ditubuhkan di Singapura atas usaha Mohamad Eunos Abdullah, Tengku Abdul Kadir dan rakan-rakan yang berpendidikan Inggeris. Penubuhan KMS adalah bertujuan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu dan menggalakkan orang Melayu menceburi bidang politik.
- Pergerakan KMS adalah bercorak sederhana dan turut menjalinkan kerjasama dengan British. Tindakan ini sedikit sebanyak telah memberi keuntungan kepada orang Melayu. Misalnya pada tahun 1929, KMS telah berjaya menuntut tanah seluas 251 hektar daripada kerajaan British untuk dibangunkan sebagai kawasan petempatan Melayu. Selain itu juga KMS telah berjaya mendesak kerajaan Negeri-negeri Selat agar membina Sekolah Pertukangan bagi orang Melayu di Singapura. Peristiwa ini telah mendorong kepada penubuhan cawangan KMS di Pulau Pinang dan Melaka pada tahun 1937.
- Golongan intelektual Inggeris dan pegawai tinggi kerajaan telah menubuhkan persatuan-persatuan Melayu pada peringkat negeri. Persatuan negeri telah ditubuhkan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Objektif utama penubuhan persatuan negeri adalah untuk menggabungkan tenaga intelektual Melayu bagi membincangkan nasib orang Melayu dalam soal ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan.

Golongan Berpendidikan Melayu (10 m)

- Kebanyakannya merupakan lulusan MPSI yang member perhatian kepada soal politik dan perkembangan luar negeri. Mereka mendapat ilham daripada perjuangan rakyat Indonesia menentang penjajahan Belanda seterusnya membeaskan negara daripada penjajahan.
- Antara tokoh ialah Ibrahim Haji Yaacob, bekas pemimpin pelajar MPSI. Beliau pernah terlibat dalam menubuhkan dua buah pertubuhan bercorak politik semasa menuntut di MPSI iaitu Ikatan Semenanjung Borneo dan Ikatan Pemuda Malaya. Pertubuhan ini telah menjadi asas kepada penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) iaitu parti politik pertama yang berhaluan kiri yang ditubuhkan pada tahun 1939. KMM ditubuhkan dengan tujuan menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung dan meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu.

- Antara tokoh nasionalis lain ialah Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Perjuangan nasionalisme orang Melayu banyak disokong dan dibantu oleh bidang akhbar dan kewartawanan. Majalah dan akhbar bukan sahaja menyiarkan berita dan laporan tetapi secara langsung ia turut berperanan sebagai medan perbahasan dan perbincangan tentang perbagai isu agama, politik, ekonomi dan social berkaitan orang Melayu. Akhbar utama yang penting tahap ini adalah seperti al-Ikhwān, saudara, Warta Malaya dan Majlis.
- Ahmad Boestamam aktif dalam kegiatan politik tanah air dan terlibat bersama-sama ahli KMM dalam Kesatuan Rakyat Indonesia Semennajung (KRIS) yang berjuang untuk kemerdekaan bersama bagi Tanah Melayu dan Indonesia.

Kesimpulan.

Secara keseluruhan golongan intelektual samada daripada golongan Inggeris dan Melayu memainkan peranan penting dalam mewujudkan perpaduan orang Melayu dengan meningkatkan taraf hidup mereka.

Golongan intelektual Inggeris menggunakan peluang yang ada dalam sistem pentadbiran dan perundangan untuk menuntut hak bagi orang Melayu sementara golongan intelektual berpendidikan Melayu lebih radikal yang berjuang untuk membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman British.

SOALAN 5

BINCANGKAN REAKSI MASYARAKAT SABAH DAN SARAWAK TERHADAP CADANGAN PENUBUHAN GAGASAN MALAYSIA 1963.

Pengenalan:

- Cadangan oleh Tengku Abdul Rahman pada tahun 1961 di Singapura membuka lembaran baru ke arah penggabungan wilayah-wilayah.
- Penduduk Sabah dan Sarawak pada peringkat awal tidak bersetuju dengan usaha pembentukan Malaysia.
- Kebimbangan penduduk peribumi terhadap penguasaan Tanah Melayu dalam politik, ekonomi dan sosial.
- Mereka telah bertindak menubuhkan parti-parti politik sebagai wadah perjuangan menolak Gagasan Malaysia tersebut.

Isi :

SABAH (10 m)

- Para pemimpin masyarakat tempatan Sabah menentang Gagasan Malaysia kerana antara Sabah dan Tanah Melayu tidak mempunyai hubungan politik.
- Bertindak membentuk parti-parti politik untuk menjaga kepentingan suku kaum masing-masing.
- Antara parti-parti awal Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO), Ogos 1961 di bawah pimpinan Donald Stephens. Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), Disember 1961 yang dipimpin oleh Datu Mustapha Datu Harun.
- Parti politik di Sabah telah membentuk Barisan Bersatu yang berusaha untuk menentang pembentukan Malaysia.
- Wakil Barisan Bersatu mempunyai banyak cadangan untuk membela nasib penduduk Sabah.
- Alasan penentangan gagasan Malaysia ialah bimbang rakyat Sabah akan dikuasai oleh Tanah Melayu.

SARAWAK (10 M)

- Pada peringkat awal, cadangan tersebut memeranjatkan para pemimpin Sarawak.
- Mereka telah melakukan penentangan terhadap Gagasan Malaysia kerana bimbang akan kehilangan hak dan kepentingan tergugat.

- Kesannya parti-parti politik Sarawak ditubuhkan pada awal tahun 1960an. Antara parti politik yang muncul ialah Parti Bersatu Rakyat Sarawak(SUPP),Parti Kebangsaan Sarawak(SNAP),Barisan Rakyat Jati Sarawak(BERJASA) dan lain-lain parti berasaskan kaum.
- Pemimpin Sarawak dan Sabah akhirnya menerima pembentukan Malaysia dengan mengemukakan beberapa tuntutan untuk menjaga kepentingan penduduk kedua-dua negeri tersebut.
- Malahan, Sabah dan Sarawak telah mengemukakan 20 Perkara yang menjamin hak dan kepentingan politik,ekonomi dan sosial rakyat Sabah dan Sarawak.

Kesimpulan:

- Para pemimpin tempatan Sabah dan Sarawak telah menubuhkan parti-parti politik berasaskan kaum untuk menentang Gagasan Malaysia bagi menjamin hak dan kepentingan kaum masing-masing.
- Usaha Tunku Abdul Rahman memberi penerangan kepada rakyat Sabah dan Sarawak tentang tujuan sebenar pembentukan Malaysia telah menyebabkan mereka menerima gagasan tersebut.
- Oleh itu,Malaysia telah dibentuk pada tahun 1963 yang hanya dianggotai oleh Tanah Melayu,Singapura,Sabah dan Sarawak.

SOALAN 6

BINCANGKAN PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN ASA, PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN KOMANWEL SEJAK TAHUN 1957.

Pendahuluan.

Selepas merdeka pada tahun 1957, Malaysia telah menyertai beberapa pertubuhan diperingkat serantau dan antarabangsa. Matlamat Malaysia menyertai pertubuhan seperti ini demi kepentingan daripada segi politik ekonomi dan juga sosial. Antara penglibatan awal Malaysia adalah menganggotai Pertubuhan Asia Tenggara (ASA), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel selepas sahaja mencapai kemerdekaan.

Isi.

A Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) (6m)

1. ASA ditubuhkan pada tahun 1961 di Bangkok.
2. Disertai oleh Tanah Melayu, Thailand dan Filipina. ASA bukannya pertubuhan politik tetapi sebuah pertubuhan ekonomi, sosial dan kebudayaan.
3. Matlamat ASA memupuk kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan.
4. Dalam bidang ekonomi, Tanah Melayu bekerjasama dengan negara-negara anggota dan mendapat faedah daripada segi pertukaran maklumat, teknik dan kepakaran dalam bidang ekonomi dan keuntungan dalam sektor pelancongan.
5. Dalam bidang pendidikan, ASA berusaha untuk mempertingkatkan pengajian dalam kalangan anggotanya, maka pertukaran tenaga pengajar antara universiti telah dilaksanakan pada tahun 1963.
6. Dalam bidang kebudayaan, Malaysia telah menyertai rombongan kebudayaan antara tiga negara. Rombongan kebudayaan diadakan pada setiap negara anggota, mewujudkan keamanan dan keselamatan serantau.
7. ASA dibubar pada 1963 setelah Filipina memutuskan hubungan diplomatik kerana membantah Gagasan Malaysia.

B Pertubuhan bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (7m)

1. Malaysia menganggotai PBB selepas merdeka.
2. Kemasukan Malaysia merupakan satu kebanggaan negara kerana membuktikan pengiktirafan dunia sebagai sebuah negara berdaulat.
3. Matlamat PBB untuk menjamin keamanan dan keselamatan dunia, menggalakkan hubungan baik-baik antara negara anggota dan bekerjasama dalam menyelesaikan

masalah antarabangsa serta melindungi hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit.

4. Antara sumbangan Malaysia dalam PBB adalah membantu menyelesaikan konflik antarabangsa.
5. Malaysia menyertai pasukan pendamai di bawah panji PBB untuk menamatkan perang saudara di Congo (Zaire) pada tahun 1960.
6. Malaysia juga terlibat menentang pelaksanaan Dasar Aparteid di Afrika Selatan yang mendiskriminasikan penduduk kulit hitam.
7. Malaysia turut menjadi ahli Bank Dunia. Hal ini membolehkan Malaysia menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara ini dan seterusnya dapat membasmi kemiskinan di luar bandar selain menyediakan peluang pekerjaan.
8. Malaysia juga mendapatkan bantuan Bank Dunia dalam menjayakan rancangan Felda selain membangunkan prasarana pendidikan dan penyelidikan.

C Komanwel (7m)

1. Dibentuk sejak 1931, keanggotaannya terdiri daripada negara-negara bekas tanah jajahan British.
2. Matlamat Komanwel untuk membina semangat setiakawan dalam kalangan negara-negara anggota dan mewujudkan kerjasama dalam semua bidang.
4. Antara faedah yang diperolehi Malaysia daripada Komanwel adalah bantuan ketenteraan menghadapi ancaman komunis.
5. Malaysia turut mengadakan perjanjian pertahanan dengan Britain, Australia dan New Zealand.
6. Malaysia sentiasa melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dilaksanakan oleh pertubuhan ini.
7. Malaysia menyertai persidangan Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) setiap dua tahun.
8. Malaysia turut menyuarakan isu alam sekitar dan masalah pencemaran dalam negara anggota.
9. Malaysia dan Komanwel lantang menentang dasar Aparteid dengan menyokong sekatan ekonomi dikenakan yakni memulaukan barangan dari negara tersebut dan melarang kemasukan barangan Negara Komanwel ke Afrika Selatan.

Kesimpulan.

Penyertaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa bukan sekadar sebagai negara anggota sahaja tetapi berjaya memainkan peranan dengan berkesan. Malaysia turut memberi cadangan-cadangan berkaitan isu sejagat dan turut mendapat manfaat daripada program-program yang disertai.

SOALAN 7

BINCANGKAN SISTEM ADAT YANG MENJADI AMALAN MASYARAKAT DI CHINA DAN INDIA SEBELUM CAMPURTANGAN BARAT.

Pendahuluan

- Adat ialah satu sistem nilai yang telah sebagai peraturan bagi mengawal perlakuan sesuatu masyarakat. Adat bertujuan mengekalkan keharmonian dan menjamin kesejahteraan anggota masyarakat.
- Melanggar adat bermakna melanggar nilai dan peraturan yang telah menjadi amalan sesuatu masyarakat. Institusi yang bertanggungjawab tentang adat ialah Majlis Orang Tua atau Ketua kampung.
- Di China dan India, adat yang diamalkan mempunyai persamaan dan perbezaan. Adat yang diamalkan mengalami perubahan dari semasa ke semasa.

Isi

CHINA (10 m)

Adat Ibu mengandung

- Ibu mengandung tidak boleh melakukan kerja-kerja berat seperti memaku kerana dikhuatiri bayi yang bakal lahir akan cacat.
- Ibu yang mengandung tidak dibenarkan menggunakan kata-kata kesat.
- Wanita hamil tidak dibenarkan ke majlis perkahwinan dan pengebumian (sehingga 100 hari selepas bersalin).
- Wanita selepas bersalin tidak dibenarkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran mentah kerana akan memudaratkan kesihatan.

Adat berkaitan bayi

- Semasa dilahirkan seseorang bayi itu telah berumur satu tahun dan semasa satu tahun
Sudah dikira berumur dua tahun
- Masyarakat Cina mementingkan anak lelaki kerana anak lelaki akan mengekalkan nama
keluarga

Adat perkahwinan

- Mengikut adat, pihak pengantin perempuan tidak mengadakan malis perkahwinan. Majlis perkahwinan hanya diadakan oleh pihak lelaki. Terdapat juga masyarakat Cina yang telah mengatur perkahwinan sejak kecil lagi dengan tujuan untuk merapatkan lagi tali persaudaraan.

Adat Kowtow

- Adat menyembah raja China dengan cara meniarap atau berlutut sebanyak sembilan kali turut diamalkan.

Adat membebat/mengikat kaki anak gadis

- Ia bertujuan untuk kecantikan dan untuk menghalang anak gadis tersebut berjalan jauh dari rumahnya. Wanita Cina berasa bangga jika mempunyai kaki yang kecil kerana melambangkan status tinggi dan kemuliaan seorang wanita.

Adat cukur kepala – untuk membudayakan orang China dan bezakan dengan keturunan Manchu

Adat minum teh

Adat pakai baju hitam semasa kematian tanda berkabung

INDIA (10m)

Adat wanita hamil

- Ibu hamil dilarang melakukan perkara-perkara yang tidak baik seperti berkelahi dan mengumpat. Mereka bimbang perbuatan ini akan mempengaruhi tingkah laku anak yang bakal lahir.
- Ibu hamil digalakkan mendengar lagu-lagu agama dan bersembahyang.

Adat Suttee

- Adat Suttee merupakan pengorbanan yang dilakukan oleh balu-balu penganut agama Hindu untuk mati bersama suami mereka. Adakalanya peristiwa ini dipengaruhi oleh saudara mara si suami yang inginkan harta si mati.

Adat Thuggee

- Adat Thuggee merupakan satu aktiviti rompakan dan pembunuhan jalanan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan agama atas nama Dewi Kali.

Adat membunuh bayi perempuan

- Adat membunuh bayi perempuan merupakan satu adat / amalan turun-temurun yang bertujuan untuk mengelakkan ibu bapa menanggung beban pemberian dowry apabila anak perempuan mereka berkahwin kelak.

Perkahwinan kanak-kanak

- Kanak-kanak akan ditentukan jodoh mereka oleh ibu bapa yang bertujuan untuk mengelakkan harta mereka jatuh ke tangan orang lain.

Balu / Janda

- Selain amalan suttee, balu-balu juga tidak dibenarkan berkahwin semula dan tidak digalakkan menghias diri. Balu-balu / janda tidak dibenarkan untuk kembali ke rumah ibu bapa mereka..

Dowry

- Dalam majlis perkahwinan masyarakat Hindu, pihak pengantin perempuan akan menyediakan dowry dan tinggal di rumah keluarga lelaki.

Kesimpulan

- Adat dan hukum adat mempunyai peranan dan sebagai panduan yang harus diikuti oleh setiap ahli masyarakat.
- Dengan kedatangan Barat, beberapa adat yang diamalkan oleh masyarakat di China dan India turut mengalami pengubahsuaian dengan nilai-nilai barat.

SOALAN 8

HURAIKAN STRUKTUR MASYARAKAT FEUDAL YANG TERDAPAT DI NEGARA JEPUN DAN VIETNAM SEBELUM PEMBUKAAN KEDUA-DUA NEGARA INI KEPADA KUASA-KUASA ASING.

Pendahuluan.

Masyarakat Asia terbahagi kepada beberapa lapisan berdasarkan status masing-masing. Struktur masyarakat feudal Jepun dan Vietnam berbentuk piramid dan terbahagi kepada dua golongan yakni golongan pemerintah dan golongan diperintah. Maharaja menduduki tonggak kerajaan diikuti pembantu dan kerabat di raja serta golongan bangsawan, seterusnya golongan rakyat terdiri daripada petani, artisan dan saudagar.

Isi

A Jepun. (10m)

1. Struktur masyarakat Jepun diketuai seorang maharaja. Maharaja mendapat pengiktirafan sebagai ketua negara tetapi tidak mempunyai kuasa pemerintahan, hanya sebagai lambang perpaduan rakyat.
2. Shogun merupakan lapisan kedua dalam hirarki masyarakat. Shogun merupakan pemerintah sebenar dan menjalankan tugas pemerintahan atas nama maharaja. Shogun yang terkenal pada abad ke-19 adalah Shogun Tokugawa.
3. Lapisan ketiga adalah Daimyo. Merupakan kumpulan bangsawan dan dilantik oleh Shogun untuk mengukuhkan kedudukan Shogun. Terbahagi kepada tiga kumpulan. Daimyo Fudai merupakan keluarga terdekat Shogun, diberi tanah untuk diusahakan. Daimyo Shimpan juga mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Shogun. Seterusnya Daimyo Tozama merupakan suku di luar keluarga Shogun, ada kalanya merupakan ancaman kepada Shogun. Daimyo Tozama dilarang mengumpul kekayaan.
4. Samurai atau panglima mempunyai kedudukan istimewa dalam kalangan masyarakat. Bertanggungjawab menjaga keamanan dan dilarang melakukan kerja lain.
5. Golongan petani sangat dihormati kerana membekalkan bahan makanan. Petani menghasilkan beras untuk masyarakat Jepun dan membayar 40-50% daripada jumlah hasil keluarannya sebagai cukai tahunan kepada Daimyo.
6. Lapisan seterusnya adalah kumpulan artisan atau tukang mahir. Mempunyai kemahiran menghasilkan barangan seperti pedang dan alat keperluan harian. Mereka diberi gaji dan rumah kediaman.

7. Golongan pedagang atau chonin merupakan lapisan terakhir dalam struktur masyarakat Jepun. Golongan ini dipandang rendah kerana dikatakan hanya mementingkan kekayaan diri sendiri, namun golongan ini telah berjaya menguasai ekonomi Jepun. Antara yang berjaya ialah keluarga Mitsui, Konoike dan Sumatomo.

B Vietnam (10m)

1. Maharaja merupakan hirarki tertinggi. Maharaja berkuasa mutlak terhadap pemerintahan pusat, pemilik tanah dan harta. Dianggap sebagai 'anak dari syurga' yang mendapat mandat pemerintahan daripada Tuhan. Harus bijaksana untuk memastikan rakyat sentiasa sejahtera. Sekiranya Maharaja tidak adil, mandat akan ditarik balik. Bencana yang melanda negara akan dikaitkan dengan kegagalan Maharaja dan seharusnya digantikan.
2. Golongan seterusnya adalah Quan atau Mandarin. Mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Dianggap penjamin dan penegak keadilan, pentafsir undang-undang dan pegawai kehakiman. Mandarin mendapat pendidikan Confucius. Rakyat yang pintar berpeluang mempelajari pendidikan Confucius. Hanya sebilangan kecil rakyat yang berpeluang menjadi mandarin kerana pencapaian akademik di peringkat daerah atau pusat terhad kepada rakyat yang mempunyai harta dan masa belajar.
3. Kumpulan seterusnya adalah pembesar peringkat kampung dikenali sebagai komun. Mereka dipilih dalam kalangan orang tua yang bijak dan berpengalaman oleh Maharaja. Bertanggungjawab dalam pemungutan cukai diperingkat kampung, penyampai maklumat dari istana dan menyelesaikan semua perselisihan yang berlaku dikampungnya.
4. Rakyat biasa atau petani merupakan golongan teramai. Mereka menjalankan kegiatan ekonomi sara diri seperti menanam padi sawah. Sangat dihormati kerana dianggap pembantu untuk meningkatkan ekonomi Vietnam dan membekalkan bahan makanan. Setiap kampung terlibat dalam pengkhususan sesuatu perusahaan seperti menenun dan membuat pertukangan tangan.
5. Golongan hamba merupakan lapisan terakhir dalam struktur masyarakat Vietnam. Mereka merupakan pesalah jenayah dan dihantar ke kem tentera di sempadan Vietnam. Mereka dikerah membuka tanah baru untuk pertanian. Mereka akan bebas apabila hukuman tamat.

Kesimpulan.

Struktur masyarakat feudal di Jepun dan Vietnam kekal sehingga kemasukan kuasa asing ke negara tersebut. Berlaku perubahan selepas negara tersebut dijajah apabila Jepun dikuasai oleh Amerika Syarikat selepas perjanjian Kanagawa sehingga membawa kepada Pemulihan Meiji pada 1868 manakala Vietnam pula dikuasai oleh British

SOALAN 9

PERJANJIAN NANKING 1842 DAN PERJANJIAN BOWRING 1855 TELAH MENINGGALKAN KESAN POLITIK, SOSIAL DAN EKONOMI KEPADA NEGARA CHINA DAN SIAM. BINCANGKAN.

Pendahuluan

- Negara China dan Siam sebelum ini mengamalkan dasar tutup pintu
- Termeterainya kedua-dua perjanjian tersebut bermakna tamatlah dasar pemencilan selama ini.
- Perjanjian Nanking dan Perjanjian Bowring telah mendatangkan implikasi politik, sosial dan ekonomi kepada negara Siam dan China.

Isi-isi

A) Perjanjian Nanking – China (10 m)

Isi-isi Perjanjian Nanking 1842

1. Lima buah pelabuhan dibuka kepada pedagang British iaitu Amoy, Canton, Foochow, Ningpo dan Shanghai
2. China terpaksa menyerahkan Hong Kong kepada British
3. Sistem monopoli oleh Co-hong dihapuskan
4. Konsul British ditempatkan dipelabuhan-pelabuhan yang dibenarkan untuk rakyat British.
5. Cukai-cukai eksport dan import yang rendah dikenakan
6. China perlu membayar gantirugi perang sebanyak 21 juta tael kepada British.

Kesan Politik

- British telah memaksa China menandatangani Perjanjian Nanking pada tahun 1842 selepas China kalah dalam perang candu 1. Kekalahan China dalam peperangan tersebut dan termeterainya Perjanjian Nanking menandakan bermulanya Dasar Buka Pintu China.
- Kerajaan Manchu juga terpaksa mengadakan hubungan dengan kuasa asing yang lain, Pada tahun 1844, China menandatangani Perjanjian Whanghia dengan Amerika Syarikat dan Perjanjian Whampoa dengan Perancis. Pada tahun 1847 pula, Kerajaan Manchu mengadakan perjanjian dengan Norway dan Sweden.
- Telah mendedahkan kelemahan Dinasti Manchu. Terdapat kepercayaan umum bahawa Dinasti Manchu telah kehilangan mandate daripada syurga untuk memerintah. Terdapat percubaan menggulingkan Dinasti Manchu yang semakin lemah.

Kesan Sosial

- Termeterainya perjanjian Nanking telah menyebabkan agama kristian berkembang dengan lebih pesat. Mubaligh-mubaligh kristian dari Barat bebas menyebarkan agama mereka di China.
- Kemasukan agama kristian turut menyebabkan berlaku penentangan antara golongan kristian dengan China Ortodoks seperti Gerakan Boxer.
- Kemasukan candu secara berleluasa dan tidak terkawal telah merosakkan sistem sosial masyarakat china terutamanya berkaitan masalah keruntuhan akhlak. Ramai belia China menjadi penagih dadah atau candu menyebabkan kesihatan mental dan fizikal mereka terjejas.
- Lebih-lebih lagi dalam syarat perjanjian Nanking tidak dinyatakan dengan jelas tentang isu candu. Jadi British berleluasa mengedarkan candu.
- Dalam aspek pendidikan pula terdapat pengenalan sistem pendidikan barat. Masyarakat china percaya sekiranya mereka ingin menghadapi kehadiran kuasa barat, negara China perlu membina pasukan tentera dan negara yang kuat. Oleh itu aspek pendidikan barat diberi tumpuan utama di bawah Gerakan Menguatkan Diri yang dilancarkan pada tahun 1861.

Kesan Ekonomi

- Perjanjian Nanking telah membawa kepada pembukaan lima buah pelabuhan iaitu Canton, Amoy, Fuchow, Ningpo dan Shanghai. Ini bermakna pintu perdagangan negara China telah dibuka kepada kuasa-kuasa Barat di mana berbagai barangan luar membanjiri pasaran China.
- Monopoli perdagangan Co-Hong telah dihapuskan.
- Kemasukan barangan asing secara besar-besaran ke negara China telah menjejaskan perkembangan industri tempatan seperti industry tenungan kain, industry paku dan jarum. Barangan asing turut dikenakan duti import dan eksport yang rendah.
- Ini bermakna barangan Barat lebih murah berbanding barangan buatan China. Kesannya banyak industri-industri kecil di China telah ditutup.

Perjanjian Nanking dilihat menimbulkan banyak kesan buruk terhadap sistem politik, ekonomi dan sosial masyarakat China, namun terdapat situasi berbeza dialami oleh Siam kesan daripada perjanjian Bowring.

Perjanjian Bowring – Siam (10 m)

Isi-isi Perjanjian Bowring 1855

1. Perdagangan bebas dijalankan
2. Cukai import 3% valorem dan eksport 5% ad valorem
3. British boleh membeli dan menyewa tanah dalam lingkungan 6 km dari Bangkok
4. Import candu ke Siam dibenarkan tp dgn kawalan.
5. Seorang konsul British ditempatkan di Siam untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Raja Siam.

6. Eksport beras dibenarkan.
7. Rakyat British di Siam diberi hak-hak wilayah asing.

Kesan Politik

- Perjanjian Bowring disusuli oleh perjanjian dengan kuasa-kuasa asing yang lain seperti Perancis dan Amerika Syarikat (1856), Denmark (1858), Portugal (1859), Holland (1860), Belgium (1868), Itali, Sweden dan Norway (1868).
- Kuasa-kuasa barat ini mendapat keistimewaan yang sama seperti yang diperolehi British. Perjanjian Bowring merupakan perjanjian yang paling memuaskan hati pihak British.
- Perjanjian Bowring menandakan permulaan Dasar Buka Pintu Siam. Dasar ini telah membawa Siam ke arah pemodenan. Raja Mongkut telah memulakan pemodenan Siam di sekitar istana dan Bangkok. Beliau mengupah penasihat asing untuk mengetuai jabatan-jabatan tertentu.
- Dasar luar negeri ini yang bertujuan mengadakan hubungan diplomatik untuk berbaik-baik atas dasar persamaan taraf menyelamatkan Siam daripada diserang oleh kuasa-kuasa luar. Raja Mongkut berjaya mengekalkan kemerdekaan Siam.

Kesan Sosial

- Raja Mongkut membenarkan mubaligh-mubaligh Kristian menyebarkan agama Kristian dengan bebas di Siam. Raja Mongkut telah menghadiahkan sebidang tanah kepada penganut agama Kristian untuk dijadikan tanah perkuburan. Malah Raja Mongkut turut menyumbangkan wang untuk pembinaan sebuah gereja di Bangkok.
- Di Siam sistem pendidikan Barat dan sistem perhubungan moden telah diberi keutamaan oleh Mongkut. Mongkut telah mengarahkan pembesarnya mempelajari bahasa asing bagi memudahkan mereka berhubung.
- Mongkut turut menggalakkan pembinaan sekolah berasaskan model Barat di Siam. Baginda sendiri telah mengaji guru-guru dari Barat untuk mengajar anak-anak bangsawan dan putera raja di Siam.

Kesan Ekonomi

- Siam telah dibuka kepada perdagangan Barat. Kapal-kapal British dibenarkan berlabuh di kesemua pelabuhan Siam. Banyak barangan buatan Barat diimport ke Siam. Mongkut turut mengadakan perjanjian perdagangan dengan kuasa Barat lain seperti Denmark, AS, Belanda, Perancis dan Portugal.
- Temeterainya perjanjian Bowring maka tamatlah penguasaan ekonomi Siam oleh orang Cina. Perdagangan asing di Siam mula diambil alih oleh pedagang-pedagang British.
- Pihak British telah menguasai hampir 70% daripada perdagangan asing di Siam.
- Perjanjian Bowring turut mengubah sistem kewangan di Siam kepada sistem kewangan moden. Keterlibatan Siam dalam perdagangan antarabangsa telah berjaya menarik pelaburan modal yang banyak daripada pelabur-pelabur Eropah untuk menanam modal di Siam.

- Sistem perbankan turut diperkenalkan di Siam bagi memudahkan urusan perdagangan.

Kesimpulan

- Perjanjian Nanking dan Bowring telah meninggalkan banyak kesan politik, ekonomi dan sosial ke atas negara China dan Siam.
- Bagi negara China, kekalahan dalam Perang Candu dan termeterainya Perjanjian Nanking telah menghapuskan sikap angkuh mereka yang menganggap negara China sebagai “middle kingdom” dan menyifatkan orang-orang barat sebagai “barbarian”.

SOALAN 10

BINCANGKAN KESAN KEDATANGAN KUASA BARAT TERHADAP PERUBAHAN EKONOMI DI INDONESIA DAN FILIPHIAN.

Pengenalan:

- Penguasaan Belanda terhadap ekonomi Indonesia telah bermula pada sekitar tahun 1800.
- Belanda telah berusaha untuk mengeksploitasi kekayaan ekonomi Indonesia dengan pelbagai sistem ekonomi.
 - Antara sistem ekonomi Belanda di Indonesia ialah Sistem Tanaman Paksa, Sistem Liberal dan Dasar Etika. Sistem ini telah membawa kesan terhadap ekonomi Indonesia.
 - Filipina yang dijajah oleh dua kuasa Barat iaitu Sepanyol dan Amerika Syarikat turut mengalami perubahan ekonomi.

Isi :

INDONESIA (10 m)

- Berlakunya kemerosotan sistem ekonomi sara diri.
- Pada tahun 1830, Belanda memperkenalkan Sistem Tanaman Paksa. Para petani di Jawa telah dipaksa menanam tanaman dagangan seperti kopi, tebu, nila, kapas, lada hitam, tembakau, teh dan kayu manis. Pengenalan sistem ekonomi tersebut memperlihatkan penguasaan Belanda terhadap golongan petani sepenuhnya.
- Golongan petani terpaksa meninggalkan ekonomi sara diri. Ia sekali gus telah menjejaskan pengeluaran bahan makanan. Petani tidak berkesempatan menanam padi.
- Berlaku ketidakseimbangan terhadap kemajuan ekonomi. Perubahan ekonomi oleh Belanda tidak menyeluruh seluruh Indonesia. Hanya daerah Probolinggo dan Pasoeroean di Pulau Jawa yang menikmati kemajuan pesat dan daerah luar Pulau Jawa diabaikan.
- Penduduk tempatan Indonesia tidak menikmati perubahan ekonomi yang dilaksanakan oleh Belanda. Pengenalan Dasar Liberal menyebabkan kehidupan penduduk Indonesia merosot kerana tidak mampu bersaing dengan penguasa Belanda dan terpaksa membayar cukai yang tinggi.
- Disamping itu, sistem ekonomi Belanda telah berjaya meningkatkan ekonomi Indonesia. Sektor pertanian komersial telah meningkatkan nilai eksport Indonesia. Pertanian tempatan dimajukan terutama penanaman padi. Antara tahun 1900-1940, kerajaan telah membelanjakan 270 juta guilders untuk membina sistem pengairan. Sehubungan itu, jumlah keluasan tanaman padi telah meningkat 2.7 juta hektar pada tahun 1900, kepada 3.4 juta hektar pada tahun 1940.
- Selain itu, sektor-sektor lain turut dimajukan oleh Belanda seperti perlombongan, perhutanan dan perikanan.

- Selain itu ,kesan kedatangan Belanda terhadap perubahan ekonomi Indonesia ialah wujudnya kemudahan kredit.Kerajaan telah menyediakan kemudahan kredit,contohnya desa lumbung dan bank-bank tunai desa pada tahun 1904 sebagai perlindungan.
- Menjelang tahun 1912,sebanyak 12000 buah bank padi dan 1161 buah bank desa telah ditubuhkan di Indonesia.

FILIPINA (10 m)

- Kehadiran kuasa Barat ,iaitu Sepanyol telah menyebabkan berlaku perubahan terhadap ekonomi Filipina.Sektor pertanian mengalami perubahan yang pesat dengan kehadiran Barat.
- Pertanian komersial telah diperkenalkan secara meluas.Pelbagai jenis tanaman baru untuk tujuan eksport telah diperkenalkan oleh Barat(tebu,kopi,tembakau dan rami).
- Pertanian komersial telah meningkatkan ekonomi eksport Filipina .
- (eksport gula Filipina telah meningkat menjadi 120 000tan pada tahun 1935).
- Kehadiran Barat di Filipina telah memberikan kesan terhadap bidang perkilangan.
- Pemodal Barat telah ,memperkenalkan kaedah perkilangan yang lebih moden dan efisien.
- Pada tahun 1859,kilang memproses gula menggunakan wap telah didirikan di Pulau Negros.
- (seorang pemodal British bernama Nicholas Loney di Pulau Visayas telah memperkenalkan alat-alat jentera moden bagi tujuan memaksimumkan pengeluaran gula di Filipina).
- Di samping itu,kesan kedatangan barat terhadap ekonomi Filipina ialah kehadiran imigran Cina dan Sepanyol.Imigran Cina bekerja sebagai buruh di ladang tebu dan telah menguasai perniagaan borong dan runcit serta memonopoli perindustrian beras,garam,tembakau dan barangan kulit.(orang Cina telah menguasai 2000 daripada 2500 kilang beras di Filipina).
- Imigran Cina turut menguasai sektor perbankan di Filipina dengan memiliki modal sebanyak 100 juta dolar Amerika Syarikat.
- Selain itu,sektor perdagangan yang berkembang di Filipina telah dikuasai oleh pedagang asing.
- (Sepanyol,British ,Amerika Syarikat dan Cina).Saudagar asing telah membiayai ekonomi tempatan.
- Telah menjadi pemangkin terhadap kewujudan bank.(Bank Kepulauan Filipina 1852) yang berfungsi untuk memberikan pinjaman wang kepada saudagar Filipina dan Sepanyol.
- Perkhidmatanm insurans turut berkembang pesat seiring dengan perkembangan perdagangan .
- Hubungan dengan Amerika Syarikat telah menggalakkan perdagangan bebas di Filipina.
- Dengan ini memasukkan barang-barang asing semakin meningkat.

Penutup:

- Sememangnya kedatangan kuasa Barat telah mempengaruhi perubahan ekonomi di Filipina dan Indonesia.Penguasaan kuasa Barat terhadap ekonomi Filipina dan Indonesia telah menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat kedua-dua buah negara tersebut.

SOALAN 11

BINCANGKAN PERANAN GOLONGAN PONGYI DAN SAREKAT ISLAM DALAM PERKEMBANGAN GERAKAN NASIONALISME DI MYNMAR DAN INDONESIA.

Pendahuluan;

- Pergerakan nasionalisme di Mynmar bermula pada awal abad ke-20. Pergerakan ini tidak menentang British semata-mata tetapi dipengaruhi oleh tekanan-tekanan ekonomi terutama oleh orang-orang India.
- Peringkat awal pergerakan ini dikuasai oleh golongan agama seperti Kesatuan Pemuda Buddha tetapi selepas kemerosotan golongan agama, diambil alih oleh golongan pendidikan barat terutama pelajar Universiti Rangoon.
- Sarekat Islam berasal dari sarekat dagang islam yang ditubuhkan oleh haji samanhudi tahun 1911. Menggunakan agama Islam sebagai lambing penyatuan dalam usaha untuk menentang kaum asing dan pengaruh mereka di Indonesia.

Isi;

Peranan dan sumbangan Pongyi. (12m)

1. Pertikaian Kasut (1916-18)

Golongan pongyi membantah pemakaian kasut oleh orang Eropah di kuil. Dalam soal kasut, semua pengunjung yang memasuki kuil mesti menanggalkan kasut mereka. Terdapat pengecualian bagi orang British dan Eropah. Ini membangkitkan semangat perjuangan Persatuan Belia Buddha. Kerajaan British akhirnya meluluskan undang-undang melarang pemakaian kasut di kuil. Keputusan British ini membuktikan kejayaan awal perjuangan persatuan ini dalam isu agama.

2. Pemogokan pelajar 1920-23

- Pada tahun 1920, kerajaan British meluluskan Akta Universiti yang bertujuan menaikkan taraf pendidikan di Universiti Rangoon. Persatuan belia Buddha melancarkan pemogokan

membantah akta tersebut yang dianggap akan melambatkan pencapaian kemerdekaan. British terpaksa tunduk atas desakan dan mengubah akta tersebut

3. Perkembangan nasionalisme dikalangan petani-petani.

- Golongan pongyilah yang bertanggungjawab bagi pengembangan nasionalisme dan idea-idea -kerajaan sendiri dikalangan petani.

Cara kembang nasionalisme;

- Pengambilalihan unit politik diperingkat desa pada tahun 1921-1922 yang ditubuh oleh Majlis Am Persatuan-persatuan Burma.
- Menghasut para petani untuk menentang kerajaan Inggeris seperti kempen anti cukai yang dilancarkan tahun 1924.
- Tubuh majlis Am Sangha Sametggi tahun 1922 bagi mengendalikn program politiknya.
- Menerbitkan akhbar Wunthanu tahun 1927 bagi menyebarkan propaganda mereka.

5. Penentangan system pemerintahan dua lapis.

- Golongan pongyi bersama dengan Majlis Am Persatuan-persatuan Buddha telah menentang system pemerintahan dua lapis yang diperkenalkan di Burma
- Tahun 1928, golongan pongyi menghasut rakyat untuk menentang Suruhanjaya Simon yang ditubuhkan untuk kaji semula system pemerintahan dua lapis
- Hasil; 7 % keluar mengundi pada tahun 1922 dan 16 % keluar mengundi pada tahun 1925.
- Berjaya desak British kaji semula sistem pemerintahan

4. Kegiatan nasionalis U Ottama dan U Wisara.

- Kedua-dua orang pongyi inilah yang memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat kebangsaan di kalangan rakyat Burma.
- *U Ottama* , tahun 1921, mengembara ke seluruh Burma dan mengutuk system pemerintahan dua lapis serta menuntut pemerintahan sendiri, mengapikan rakyat supaya memberontak dengan meramalkan Peranchis atau Amerika akan bantu Burma.
- Selain itu, pujuk orang ramai untuk menentang polis, mahkamah Inggeris dan pemungut cukai.
- Guna taktik agama dengan mendakwa agama Buddha terancam dibawah pemerintahan Inggeris dan menyeru orang ramai bangkit menyelamatkan agama dan identity nasional Burma.

- Akibat; Dipenjara beberapa kali oleh pihak Inggeris menyebabkan golongan pongyi semakin popular terutama didesa-desa. Meninggal dunia dipenjara pada tahun 1939.
- *U Wisara*- mula kempen anti cukai di daerah Tharrawaddy tahun 1926. Ditangkap dan dipenjara. Meninggal dunia tahun 1929 dalam penjara akibat berpuasa. Menambahkan lagi semangat anti Inggeris di kalangan rakyat Burma..

6. Pemberontakan Saya San (22 dec 1930)

- Dipimpin oleh saya San (bekas Pongyi dari Shwebo)
Faktor;
 - Ketidakpuasan hati petani-petani terhadap cukai
 - beban petani-petani dengan peminjam wang
 - arahan kerajaan yang mengkhaskan kawasan hutan.

7. Penentangan terhadap ajaran Kristian

- tahun 1930 – Pongyi tentang pengajaran agama Kristian kepada murid-murid yang beragama Buddha di sekolah-sekolah Mubaligh di Rangoon.
- Mengakibatkan kemerosotan sekolah-sekolah Mubaligh dikalngan rakyat Burma

SAREKAT ISLAM (8m)

1. Memelihara kesucian agama Islam.

SI memperjuang idea Islam adalah alat tunggal membawa kemajuan kepada masyarakat Indonesia.

SI Berjaya satukan rakyat Indonesia atas nama agama Islam yang menentang penyebaran agama kristian oleh pemerintah Belanda. SI dapat sokongan rakyat dr luar Pulau Jawa seperti Sulawesi dan Borneo apabial menganggap perjuangan mereka sebagai langkah pertama melancarkan perang suci menentang penjajah belanda.

2. Tingkat taraf sosioekonomi

SI mengajak golongan peniaga-peniaga Jawa menyaingi peniaga-peniaga Cina yang telah kukuh dalam perniagaan batik. Membuat beberapa pendekatan antaranya membuat kritikan serta desakan kepadakerajaan Belanda yang gagal membaiki kedudukan ekonomi masyarakat Indonesia. Berjaya bangkitkan kesedaran ekonomi masyarakat Indonesia.

SI telah mendesak supaya pemerintahan Belanda memiliknegerakan industry-industri penting kebanyakannyadikuasai oleh pihak swasta. Antara industry tersebut ialah tekstil,perusahaan pengeluaran barangan besi dan perusaahn kertas.

Si juga menuntut Belanda member peluang kepada rakyat Indonesia terlibat dalam perdagangan.

SI menuntut kerajaan memperbaiki dan meluaskan kemudahan pertanian.

3. Tingkat Pendidikan

SI desak pemerintahan belanda meningkatkan taraf pendidikan di kalangan rakyat Indonesia.

SI kritik dasar diskriminasi Belanda yang tidak membenarkan rakyat indionesia mengikuti pendidikan Belanda dan tidak tinggikan taraf maktab kepada Universiti.

SI tuntutan diwujudkan pendidikan wajib bagi pelajar yang berumur kurang 15 tahun.

4. Memperjuangkan pemerintahan sendiri (1916-23)

SI telah menuntut kerajaan belanda supaya menerima penubuhan majlis-majlis daerah dan perluasan kuasa Volksraad. Malah sudah wujud suatu cadangan samada kaedah kekerasan mungkin dilakukan bagi menentang Belanda. Mulai 1923, SI menjadi parti politik secara rasmi iaitu di bawah pimpinan Agus salim yang memperjuangkan kemerdekaan Indonesia berasaskan undang-undang Islam.

Kesimpulan;

Golongan agama memainkan peranan yang penting dalam perjuangan nasionalisme di Mynmar dan Indonesia.

-diteruskan ooeh golongan secular ...Thakin di Mynmar dan PNI di Indonesia.

SOALAN 12

BINCANGKAN PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI NEGARA CHINA DAN JEPUN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA SEHINGGA TAHUN 1963.

Pengenalan

- Negara China dan Jepun melaksanakan program sosioekonomi selepas Perang Dunia Kedua bertujuan meningkatkan kedudukan ekonomi dan sosial dalam negara.
- Tumpuan pembangunan ekonomi ialah ke atas pertanian dan perusahaan manakala pembangunan sosial adalah ke atas pendidikan.

Isi-isi

China (10m)

I. Rancangan Lima Tahun

- Peruntukan sebanyak 56% daripada kewangan kerajaan diberikan kepada perusahaan dan perkilangan
- Dalam bidang pertanian, Undang-undang Pembaharuan Pertanian diperkenalkan bertujuan untuk mengekalkan pengeluaran pertanian.
- Langkah ini ialah untuk melindungi petani daripada penindasan tuan tanah.

II. Rancangan pengkolektifan

- Rancangan pengkolektifan secara besar-besaran dilakukan.
- Syarikat kerjasama pengeluar yang bertanggungjawab melaksanakannya dan kemudian menjadi ladang bersama.
- Kerajaan China menyesun pertanian mengikut daerah atau 'commune'.

III. Perkembangan perusahaan

- Kerajaan mengawal pemodal persendirian.
- Langkah ini bertujuan untuk mewujudkan sebuah masyarakat dan negara proletariat yang tidak berkelas di samping meningkatkan pengeluaran kasar negara daripada bidang perusahaan.
- Negara China mendapat bantuan kewangan daripada Rusia.
- Industri berat terdapat di Manchuria manakala industri ringan di Shanghai dan Tientsin.

IV. Sistem Kewangan

- Dikemaskinikan akibat masalah inflasi

- Pelbagai jenis cukai diperkenalkan misalnya, cukai tanah di kawasan desa dan cukai perniagaan dan penjualan di kawasan Bandar.
- Langkah lain termasuk menghakmilikan sistem perbankan, mengetatkan undang-undang pertukaran mata wang dan peraturan ke atas perdagangan dalam dan luar negeri.

V. Pembangunan sosial

- Sistem perhubungan dibangunkan.
- Sistem tali air dibina semula dan rancangan pembinaan projek hidro elektrik diadakan di kawasan Bandar.
- Landasan keretapi dan jalan raya juga di bina.
- Bidang pendidikan juga diutamakan.
- Pembangunan pendidikan bertujuan untuk mengurangkan kadar buta huruf, member latihan teknikal dan menjadikannya sebagai indoktrinasi politik.
- Pendidikan peringkat sekolah dasar, menengah, maktab dan university juga diadakan.

Jepun (10m)

i. Undang-undang Pembaharuan Tanah

- Diperkenalkan pada tahun 1946 bertujuan untuk menentang sistem tuan tanah.
- Rancangan meliputi kawasan ternak rumput dan kawasan pertanian.
- Petani tidak lagi dikongkong oleh tuan tanah, hasilnya pendapatan petani kian meningkat.
- Kerajaan mempelbagaikan pertanian.
- Industri penternakan dapat dijalankan.
- Pertanian meningkat dengan penggunaan bahan kimia dan jentera moden.

ii. Pembangunan Sosial

- Pembaharuan pendidikan dijalankan untuk membentuk peribadi rakyat.
- Sistem pendidikan yang berasaskan cara Amerika.
- Rancangan pendidikan radio dijalankan oleh kerajaan.
- Rancangan ini memberi tumpuan kepada corak sistem demokrasi dan bukan lagi kesetiaan rakyat kepada maharaja.

Kesimpulan

- China dibawah kerajaan komunis menjalankan pembangunan dalam bidang perusahaan dan pertanian untuk mengelakkan penindasan tuan tanah dan membina sebuah masyarakat tanpa kelas.

- Jepun dibawah Pendudukan Amerika lebih menitikberatkan pertanian dan pendidikan untuk membena rakyat yang bertanggungjawab.

editor-

1. Cikgu Johari (SMAPL)
2. Cikgu Omar (SMDUMA)
3. Cikgu Shuhaida (TBS)
4. Cikgu Hanim (SMDAS)